


**PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN PERUBAHAN DALAM KOMUNITI
SETEMPAT DI PULAU REDANG, TERENGGANU**

NUR ANIISA MAISARAH BINTI MOHD LOTKEMAN

UNIVERSITI



MALAYSIA



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

**PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN PERUBAHAN DALAM KOMUNITI
SETEMPAT DI PULAU REDANG, TERENGGANU**

Oleh:

NUR ANIISA MAISARAH BINTI MOHD LOTKEMAN

Projek ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan Dengan Kepujian

UNIVERSITI

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

MALAYSIA


UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

KELANTAN

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh).



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.



SULIT

Mengandungi maklumat sulit dibawah Akta Rahsia 1972.



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti yang berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan Utama

.....

NUR ANISSA MAISARAH

BINTI MOHD LOTKEMAN

Tarikh: 5/2/2026

Tandatangan Penyelia

.....

DR. NORAZLINDA BINTI

MOHAMED ROSDI

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa gembira dan syukur ke hadrat Illahi Allah SWT di atas limpahan rahmat dan kurniaan-Nya, saya berjaya menyempurnakan tugas akademik yang bertajuk "Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti Setempat di Pulau Redang". Kajian ini akhirnya dapat diselesaikan dengan baik dan lancar tanpa sebarang masalah. Proses sewaktu menjayakan tugas ini telah memberikan saya peluang bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan memperluaskan pemahaman yang mendalam tentang matapelajaran yang saya pelajari.

Saya juga ingin merakamkan seikhlasnya jutaan penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi selaku pendidik dan pensyarah kursus ini di atas segala nasihat, bimbingan, pandangan dan teguran serta ilmu yang diberikan sepanjang proses untuk menyiapkan tugas ini. Segala tunjuk ajar dan penerangan beliau sangat jelas dan mudah difahami telah membantu saya menyelesaikan tugas ini dengan baik, teratur dan penulisan saya bersifat lebih akademik.

Tidak dilupakan juga penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga terutamanya ibubapa saya yang sentiasa memberikan sokongan moral dari segala sudut dan doa yang berterusan agar saya dapat menyiapkan tugas ini dengan baik. Sokongan kuat mereka adalah sumber ilham dan kekuatan saya untuk memastikan tugas ini dapat diselesaikan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada komuniti tempatan di Pulau Redang yang memberikan kerjasama dan sokongan yang begitu baik bagi membantu saya menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih turut diberikan buat rakan-rakan seperjuangan yang saling berkongsi pandangan, berkongsi idea dan menjadi pendorong kuat ketika saya menyiapkan tugas ini. Sokongan dan kerjasama yang mereka berikan amat bermakna dan sangat saya hargai.

Semoga segala usaha yang telah dilakukan bagi menyiapkan tugas ini memberi manfaat yang berpanjangan untuk masa akan datang. Segala kesilapan dan kekurangan dalam menyediakan tugas ini adalah datang dari kelemahan saya sendiri dan segala kebaikan adalah datang daripada Allah SWT.

PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN PERUBAHAN DALAM KOMUNITI SETEMPAT DI PULAU REDANG, TERENGGANU

ABSTRAK

Pelancongan di Pulau Redang berkembang dengan pesat dan telah memberi kesan dan perubahan yang mempengaruhi kehidupan komuniti setempat. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui bagaimana komuniti setempat di Pulau Redang melalui perubahan sosial yang berlaku, kesan terhadap sosio ekonomi dan strategi untuk memperkasakan komuniti setempat menjadi individu penting dalam industri pelancongan ini. Hasil dapatan daripada temu bual yang dilakukan menunjukkan bahawa sektor pelancongan telah membuka banyak peluang pekerjaan, meningkatkan taraf ekonomi dan menggalakkan komuniti untuk mempelajari kemahiran baharu untuk memperkasakan sektor pelancongan. Namun kesannya terhadap kos sara hidup, perubahan gaya hidup moden dan keperluan untuk memelihara identiti budaya sangat mencabar. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini mencadangkan pelaksanaan pelancongan yang berasaskan komuniti yang kukuh, perancangan dan penyertaan penduduk lebih terbuka dan menyediakan latihan berterusan agar manfaat daripada pelancongan dapat dinikmati oleh masyarakat di Pulau Redang secara adil dan mampan.

Kata kunci: Pelancongan, Pulau Redang, komuniti setempat, sosio ekonomi, strategi.

TOURISM DEVELOPMENT AND CHANGES IN THE LOCAL COMMUNITY IN REDANG ISLAND, TERENGGANU.

ABSTRACT

Tourism in Pulau Redang is growing rapidly and has had an impact and changes affecting the lives of the local community. This study was conducted to find out how the local community in Pulau Redang went through the social changes that took place, the impact on the socio-economics and what are the strategies to empower the community to become important individuals in the tourism industry. The findings from the interviews conducted show that the tourism sector has opened many job opportunities, improved the economic status and encouraged the community to learn new skills to empower the tourism sector. But the impact on the cost of living, changing modern lifestyles and the need to preserve cultural identity is challenging. Therefore, this research suggests the implementation of strong community-based tourism, more open planning and participation of residents and providing continuous training so that the benefits of tourism can be enjoyed by the community on Redang Island in a fair and sustainable.

Keywords: Tourism, Redang Island, local community, socio economic, strategy.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN THESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v-viii
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI JADUAL	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2-3
1.2 Permasalahan Kajian	3-4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.6.1 Kepentingan Kajian Terhadap Individu	6
1.6.2 Kepentingan Kajian Kepada Komuniti	6
1.6.3 Kepentingan Kajian Terhadap Institusi	6-7
1.6.4 Kepentingan Kajian Kepada Negara	7
1.7 Kesimpulan	7
BAB II SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	8
2.1 Sorotan Kajian	8
2.1.1 Konsep Pembangunan Pelancongan	9-10
2.1.2 Konsep Komuniti	11
2.1.3 Jalinan Di Antara Pembangunan Pelancongan	11-12
Serta Komuniti	
2.1.4 Isu Dan Cabaran Alam Sekitar Dan Kelestarian	12-13

2.2	Kerangka Teori	13
	2.2.1 Teori Perubahan Sosial	14
	2.2.2 Teori Pembangunan Yang Berterusan	15
2.3	Kesimpulan	16
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	17
3.1	Pendekatan Kajian	18
3.2	Reka Bentuk	19
3.3	Kaedah Kajian	19
	3.3.1 Kaedah Temu Bual	19-20
	3.3.2 Kaedah Pemerhatian	20
3.4	Sumber Data Kajian	20
	3.4.1 Data Primer	20-21
	3.4.2 Data Sekunder	22
3.5	Teknik Persampelan Data	22-23
3.6	Analisis Data	23-24
3.7	Kesimpulan	24
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	25-26
4.1	Temu Bual	26-27
	4.1.1 Latar Belakang Informan	27
	4.1.2 Profil Informan	28
	4.1.3 Tahap Penglibatan Dalam Kalangan Pelancongan	28
	4.1.4 Pandangan Penduduk Terhadap Pembangunan Pelancongan	29
4.2	Cabaran Komuniti Tempatan Dalam Menyesuaikan Diri Dengan Perubahan Sosial Yang Dibawa Oleh Aktiviti Pelancongan	30

4.2.1	Identiti dan Amalan Budaya Tradisional Masih Dikekalkan Setelah Kehadiran Pelancongan Asing	30-31
4.2.2	Perubahan Sosial Utama Yang Berlaku Dalam Kalangan Masyarakat Selepas Pembangunan Pelancongan di Pulau Redang	31-32
4.2.3	Kesan Budaya Luar yang di Bawa Oleh Pelancongan Terhadap Cara Hidup Masyarakat	33-34
4.2.4	Kesan Negatif yang Timbul Akibat Pembangunan	34-36
4.3	Kesan Pembangunan Pelancongan Terhadap Peningkatan Sosio Ekonomi Setempat	36
4.3.1	Penglibatan Komuniti Tempatan Dalam Pembangun Pelancongan	36-37
4.3.2	Peluang Menjana Ekonomi daripada Pelancongan	37-38
4.3.3	Pembangunan Pelancongan Meningkatkan Taraf Ekonomi Penduduk Tempatan	39
4.3.4	Kelebihan Utama Kesan Pembangunan Pelancongan Kepada Komuniti Setempat	40-41
4.4	Strategi Memperkasakan Komuniti Setempat Dalam Aktiviti Pelancong di Pulau Redang	41
4.4.1	Peluang untuk Menyuarakan Pendapat atau Idea Tentang Rancangan Pelancongan	41-42
4.4.2	Minat dan Peluang untuk Bekerja dalam Industri Pelancongan	42-44
4.5	Rumusan	45-46
BAB V	PENUTUP	
5.0	Pengenalan	47
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	47-48
5.2	Cadangan Kajian	49
5.2.1	Perubahan Sosial dalam Kalangan Komuniti Tempatan	49

	5.2.2 Peningkatan Sosioekonomi Komuniti Tempatan	50
	5.2.3 Strategi Memperkasakan Komuniti Dalam Aktiviti	50-51
	Pelancongan	
5.3	Kesimpulan	51-52
	RUJUKAN	53-55
	LAMPIRAN	56-60

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Bergambar bersama salah seorang pekerja di Asmadi Redang Island Resort	32
Gambar 2	Kehadiran Pelancongan yang ramai menyumbang kepada peningkatan sisa bangunan	35
Gambar 3	Kedai Cenderamata milik penduduk tempatan Di Pulau Redang	38

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		HALAMAN
Jadual 1	Kod Informan Temu Bual	27

BAB I

1.0 PENGENALAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara di Asia Tenggara yang mempunyai pelbagai lokasi yang menarik sebagai destinasi pilihan bagi para pelancong untuk menikmati kepelbagaian budaya masyarakat dan keunikkan serta keindahan alam semulajadi. Bandar-bandar yang berkembang pesat seperti ibu negara Malaysia iaitu Kuala Lumpur, warisan-warisan sejarah yang terdapat di Georgetown dan Melaka sebagai bandar bersejarah serta pulau-pulau yang popular di kalangan pelancong di antaranya adalah Pulau Tioman, Pulau Langkawi, Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Masyarakat Malaysia yang peramah terutamanya dengan pelancong-pelancong asing dan tempatan membuka peluang yang luas dalam industri pelancongan kerana mereka akan datang semula ke Malaysia dan ini secara tidak langsung memberi keuntungan kepada negara serta penduduk tempatan.

Perhatian yang lebih teliti diberikan oleh kerajaan Malaysia dalam pembangunan industri pelancongan terutamanya apabila kempen yang dilakukan dalam program " Malaysia Truly Asia" telah memberi gambaran yang baik kepada negara luar terhadap Malaysia. Sektor pelancongan menyumbangkan keuntungan kepada ekonomi negara dan membawa perubahan pembangunan kepada kawasan yang berada di luar bandar serta memperkasakan identiti kebangsaan. Sumber yang didapati Tourism Malaysia, 2023 Malaysia menerima kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa dengan jumlah yang ramai saban tahun.

Walaupun disebalik kepesatan industri pelancongan dan pembangunan, berlaku beberapa cabaran yang memberi kesan kepada kejatuhan nilai budaya, infrastruktur dan perubahan sosial di kalangan masyarakat tempatan. Menurut Hall dan Page (2006), pembangunan pelancongan yang tidak melalui proses yang teliti akan menimbulkan konflik di kalangan penduduk tempatan dan pelancong-pelancong yang datang. Selain itu ianya akan memberi kesan terhadap kestabilan sosial penduduk tempatan dan kerosakkan ekosistem semulajadi. Bagi memelihara kelestarian alam sekitar dan nilai-nilai tempatan, pembangunan pelancongan perlulah seimbang.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pulau Redang yang terletak kira-kira 45 kilometer dari bandar Kuala Terengganu merupakan salah sebuah destinasi percutian yang terkenal di Malaysia. Ia juga dikenali sebagai tujuh pulau tercantik di Terengganu dan di antara pulau tercantik di dunia. Pulau Redang adalah pulau yang menjadi kegemaran pelancong luar dan tempatan, ianya dapat dibuktikan apabila para pelancong sering memberi komen positif di laman-laman sosial seperti *Trip Advisor* dan *Google Reviews* di mana mereka menyatakan di antara pulau-pulau di Asia Tenggara, Pulau Redang akan menjadi pilihan utama mereka.

Selain itu Pulau Redang telah disenaraikan sebagai pulau tercantik dan terbaik di Asia Tenggara kerana memiliki pantai yang jernih, pasir yang putih serta mempunyai khazanah terumbu karang yang cantik. Ianya dapat dibuktikan di Lonely Planet (2028), 'Pulau Redang, dengan pasirnya yang putih dan halus serta air lautnya yang jernih dan berwarna biru kehijauan merupakan permata tersembunyi yang mempunyai persamaan dengan *Maldives*'. Pulau ini mempunyai air laut yang jernih membiru dan pasir yang putih bersih. Ini menjadikan Pulau Redang antara destinasi paling popular dan paling sesuai untuk melakukan aktiviti snorkeling dan menyelam bagi melihat keindahan terumbu karang. Pelbagai jenis penginapan disediakan di pulau ini yang terdapat resort mewah dan penginapan bajet yang boleh dipilih mengikut kemampuan pelancong yang datang. Kebanyakan resort di pulau ini juga menyediakan pakej-pakej peralatan snorkeling yang lengkap untuk disewa seperti tiup penafasan, jaket keselamatan dan alatan snorkeling.

Pulau Redang diwartakan pada tahun 1985 sebagai Taman Laut dan ia juga menjadi sebahagian daripada Taman Laut Malaysia. Pada awal 1990, kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama sektor swasta telah membuat pelaburan bagi membangunkan infrastruktur pelancongan di Pulau Redang. *Resort-resort* mewah diwujudkan untuk menampung permintaan pelancong yang semakin meningkat dan menjadi faktor utama ekonomi di pulau ini.

Walau bagaimanapun, peningkatan pelancong dilihat membawa perubahan ketara dalam kehidupan penduduk tempatan di Pulau Redang sama ada dari segi sosio ekonomi dan perubahan sosial komuniti tempatan. Ini adalah kerana sumber pendapatan masyarakat di pulau ini hanya bergantung melalui pekerjaan utama iaitu perikanan sebagai sumber pendapatan mereka. Sebahagian besar masyarakat tempatan di Pulau Redang melakukan aktiviti harian sebagai nelayan tradisional untuk mendapatkan sumber rezeki. Mereka mula beralih dalam

sektor pelancongan dengan melakukan perniagaan kecilan atau pekerja pelancong disebabkan kewujudan hotel, resort dan chalet semakin meningkat dengan permintaan kemasukan pelancong yang tinggi.

Seiring dengan arus kemodenan yang berubah mengikut peredaran zaman serta manfaat yang didapati menerusi pembangunan pelancongan di Pulau Redang, masih terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi penduduk tempatan pulau tersebut. Melalui konteks ini, beberapa kajian berkaitan pembangunan pelancongan telah dibincangkan sama ada dalam konteks positif dan negatif kepada komuniti setempat. Ia akan memfokuskan mengenai cabaran sosial kepada penduduk tempatan, kesan sosio ekonomi yang dihadapi dan strategi yang berkesan bagi memastikan komuniti ini dapat melibatkan diri secara aktif dan dapat menikmati manfaat daripada pembangunan pelancongan ini.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pembangunan pelancongan selalu dianggap pemangkin dalam pertumbuhan taraf ekonomi dan taraf hidup masyarakat tempatan terutamanya di Pulau Redang. Namun manfaat dari peningkatan ekonomi ini bukanlah diagihkan secara adil kepada komuniti tempatan. Pihak luar mendapat keuntungan yang tinggi dari sektor pelancongan ini kerana mempunyai modal yang besar manakala komuniti tempatan masih terpinggir dari segi ekonomi dan kurang mendapat peluang pekerjaan (Yahaya Ibrahim, 2016). Perkara inilah yang menjadi persoalan berhubung keadilan melalui pembangunan pelancongan di Pulau Redang.

Kepesatan pembangunan pelancongan memberi tekanan kepada budaya masyarakat tempatan dan struktur sosial masyarakat. Perubahan nilai sosial kepada generasi muda kesan dari pengaruh pelancong yang membawa budaya luar seperti cara berinteraksi, pemakaian serta persepsi kepada adat tradisi (Harun, N.H., 2016). Melalui konteks Pulau Redang, jelas membuktikan bahawa perubahan sosial yang sangat ketara di kalangan belia-belia yang bekerja dalam industri pelancongan (Yahaya Ibrahim, 2016).

Selain itu pembangunan pelancongan turut menjejaskan alam semulajadi di Pulau Redang. Aktiviti-aktiviti pelancongan yang aktif seperti pembinaan resort-resort berdekatan pantai dan snorkeling telah memberi kesan kepada ekosistem marin dalam mengganggu habitat semulajadi hidupan laut (Kaur, A.,2020). Ianya bukan sahaja memberi kesan terhadap alam sekitar tetapi menjejaskan sumber ekonomi kepada penduduk tempatan iaitu menangkap ikan.

Pembangunan dan pemuliharaan yang tidak seimbang ini menjelaskan bahawa pendekatan yang kekal perlu dilakukan.

Seterusnya adalah penglibatan masyarakat tempatan dalam proses pelaksanaan pembangunan dan proses perancangan dilihat sangat lemah. Rashid dan Mohamed (2017) menjelaskan dalam kajian mereka, komuniti tempatan tidak dilibatkan dalam kebanyakan projek pelancongan, mereka hanya dijadikan untuk memantau dan bukan sebagai rakan strategik dalam pembangunan pelancongan. Penduduk di Pulau Redang mendakwa bahawa mereka tidak diberi peluang untuk berbincang berkaitan pelaburan pelancongan serta perubahan tanah. Penglibatan yang kurang dari komuniti tempatan telah memberi kesan terhadap pembangunan pelancongan dalam tempoh yang panjang.

1.3 PERSOLAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian yang dapat dihuraikan dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah cabaran komuniti tempatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial yang dibawa oleh aktiviti pelancongan di Pulau Redang ?
2. Apakah kesan pembangunan pelancongan terhadap peningkatan sosio ekonomi kepada komuniti tempatan di Pulau Redang?
3. Apakah strategi dalam memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan di Pulau Redang?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Sesebuah kajian akan mencapai matlamat yang berkesan, lebih teratur dan spesifik jika terdapat objektif yang jelas tentang isu yang di ingin dikaji. Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif kajian iaitu :

- 1.Mengenal pasti cabaran komuniti tempatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial yang dibawa oleh aktiviti pelancongan di Pulau Redang.
- 2.Mengkaji kesan pembangunan pelancongan terhadap peningkatan sosio ekonomi komuniti tempatan di Pulau Redang.
- 3.Membincangkan strategi untuk memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan di Pulau Redang.

1.5 SKOP KAJIAN

Lokasi kajian ini akan tertumpu di kawasan Pulau Redang iaitu terletak dalam daerah Kuala Nerus kira-kira 45 kilometer di pesisir pantai negeri Terengganu. Pulau Redang adalah destinasi pelancongan yang terkenal kepada pelancong dalam dan luar negara. Penempatan utama penduduk tempatan adalah di Kampung Baru, Pulau Redang dan akan menjadi lokasi utama bagi kajian ini.

Fokus utama kajian ini akan tertumpu kepada budaya komuniti tempatan dan sosioekonomi yang berubah akibat kepesatan pembangunan pelancongan di Pulau Redang. Ini termasuklah pekerjaan, pendidikan dan gaya hidup komuniti serta pandangan komuniti terhadap pembangunan pelancongan yang memberi kesan kepada alam sekitar, budaya dan struktur sosial mereka.

Selain itu, peranan agensi kerajaan dan pengusaha resort dan masyarakat pulau akan turut difokuskan bagi menjamin pembangunan pelancongan terus berkembang dan berterusan. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada masyarakat aspek kualitatif iaitu temu bual serta pemerhatian lapangan untuk mendapatkan data yang lengkap dan tepat.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan berkaitan pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti setempat di Pulau Redang ia adalah penting yang dapat dilihat dari pelbagai sudut dan saling berkait sama ada kepada komuniti setempat serta pihak pengusaha pelancongan, pihak kerajaan dan para penyelidik terutama dalam sektor pelancongan.

1.6.1 Kepentingan kajian terhadap individu

Kajian tentang pembangunan pelancongan di Pulau Redang ini adalah penting bagi individu-individu yang terlibat khususnya masyarakat tempatan di pulau ini. Kajian ini dapat menjelaskan bagaimana pembangunan pelancongan membawa perubahan terhadap identiti adat budaya, pekerjaan serta kehidupan harian mereka. Menerusi pembangunan pelancongan inilah individu dapat mengenalpasti cabaran dan peluang yang didapati serta dapat membuat perancangan sebaiknya dan lebih berinformasi terutamanya dalam bidang pendidikan, pekerjaan serta penglibatan masyarakat.

1.6.2 Kepentingan kajian kepada komuniti

Kajian ini dapat memberi gambaran tentang keseluruhan perubahan yang terjadi kesan dari pembangunan pelancongan baik dari segi sosial, budaya ataupun ekonomi. Kajian ini boleh dijadikan sebagai dasar pengukuhan solidariti masyarakat tempatan, terhadap pelancongan, pemeliharaan nilai budaya dan adat warisan. Masyarakat boleh menjadikan dapatan dari kajian ini bagi menyuarakan pendapat dan keperluan melalui forum-forum supaya tidak diketepikan seiring dengan pembangunan yang berlaku.

1.6.3 Kepentingan kajian terhadap institusi

Institusi-institusi kerajaan, unit pengajian tinggi, pihak berkuasa tempatan serta organisasi bukan badan kerajaan (NGO) secara tidak langsung turut memperolehi manfaat kesan daripada kajian ini. Dapatan dari kajian yang dilakukan amat berguna kepada agensi- agensi pelancongan serta pembangunan untuk menilai perancangan yang sedia ada agar gaya hidup komuniti lebih mesra alam dan memberi impak kolektif

ke arah masa depan. Sektor pendidikan juga boleh menjadikan hasil kajian ini untuk dijadikan sebagai sumber rujukan pendidikan. Pihak NGO juga boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk memperolehi sebuah pembangunan yang mapan dan inklusif.

1.6.4 Kepentingan kajian kepada negara

Kajian ini juga turut memberi kefahaman kepada masyarakat tempatan tentang kesan dari pembangunan pelancongan ini. Analisis dan data yang tepat dari kajian ini adalah berguna bagi merangka dasar yang lebih mampan, adil dan memberi lebih tumpuan kepada komuniti di pulau tersebut. Melalui konteks Malaysia, penyumbang utama terhadap pertumbuhan ekonomi negara adalah melalui pelancongan. Oleh itu kajian ini memberi rujukan yang berguna agar pertumbuhan institusi pelancongan ini tidak mengenyakan aspek budaya sosial sebuah komuniti. Secara tidak langsung pembangunan pelancongan di Malaysia dapat dicapai dengan lebih seimbang dan kekal.

1.7 KESIMPULAN

Kesimpulan dalam bab pertama bagi kajian ini adalah bagi membincangkan tentang latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian berkaitan pembangunan pelancongan dan kesannya kepada masyarakat tempatan di Pulau Redang. Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui bagaimana masyarakat di pulau ini menyesuaikan diri dan perubahan dari pelbagai sudut termasuklah kesan dari aktiviti pelancongan di Pulau Redang.

Perbincangan dalam permasalahan yang paling utama adalah cabaran kepada komuniti tempatan dalam konteks perubahan sosial, peningkatan sosio ekonomi dan strategi untuk memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan.

Rumusan daripada persoalan dan objektif kajian dilihat untuk membantu agar matlamat kajian ini dapat dicapai. Selain itu, skop kajian memfokuskan tentang kesan pembangunan pelancongan kepada komuniti setempat manakala kepentingan kajian membincangkan bagaimana kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Menerusi bab 2, sorotan literatur akan dikumpulkan untuk membincangkan tentang konsep dan teori pembangunan pelancongan di negara ini. Ia juga akan mengupas tentang kesan kepada masyarakat tempatan terutamanya di Pulau Redang. Kajian sorotan literatur adalah penting untuk mendapatkan pemahaman tentang isu kajian dan asas teori serta bagi mengenal pasti beberapa perkara yang belum dikaji. Konteks kajian ini akan menekankan apakah punca berlakunya perubahan kepada struktur budaya, ekonomi, sosial, komuniti dan alam sekitar.

Beberapa kajian terdahulu telah menunjukkan tentang bagaimana pembangunan pelancongan memberi impak yang besar terhadap kawasan terpencil dan menjadi pemacu utama dalam pertumbuhan sosio ekonomi kawasan luar bandar. Walaupun begitu, perancangan yang kurang teliti akan memberi kesan negatif kepada komuniti, perubahan budaya dan keindahan alam semulajadi. Oleh yang demikian, pemahaman berkaitan konsep pelancongan serta kerangka teori menjadi perkara utama untuk membina pemikiran kajian ini.

2.1 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian ataupun sorotan literatur menurut Ahmad Sunawari Long (2014) didefinisikan sebagai usaha penyelidikan yang sistematik yang dikaitkan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini untuk menambah pemahaman tentang topik yang ingin dikaji.

Menurutnya, kajian lepas atau sorotan literatur digunakan bagi mengetahui dan memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan isu yang memerlukan maklumat secara meluas seperti mana dalam konteks kajian ini kerana sorotan literatur diperlukan bagi meneroka isu-isu pembangunan pelancongan di Pulau Redang khususnya dalam aspek

pemulihan alam sekitar, pelancongan dan pembangunan sumber ekonomi masyarakat tempatan.

Bryan & Bell (2003) serta *Cresswell* (2005) menyatakan sorotan literatur melibatkan proses huraian, ringkasan, analisis, sintesis, menjelaskan dan menilai kajian yang dipilih. Ia dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan perbezaan tentang kajian yang telah dikaji dan yang belum dikaji.

Manakala, menurut *Shamsul* (2012) dalam kajiannya berkaitan pembangunan pelancongan di Pulau Redang, beliau mendapati berikutan dari aktiviti pelancongan yang kian meningkat, ianya telah mendatangkan pelbagai impak terhadap masyarakat setempat serta alam sekitar. Oleh itu sorotan literatur ini dapat memberi maklumat penting dan membolehkan hasil-hasil kajian lepas disemak semula. *Blaxter, Hughes dan Tight* (2006) pula menyatakan sorotan literatur merupakan asas utama bagi membentuk persoalan kajian dan objektif kajian yang lebih jelas.

2.1.1 Konsep pembangunan pelancongan

Pembangunan pelancongan didefinisikan sebagai proses yang lebih teratur untuk membangunkan sesebuah destinasi untuk dijadikan tarikan kepada para pelancong luar dan tempatan dengan menyediakan infrastruktur, perkhidmatan pelancongan dan kemudahan- kemudahan asas yang lebih baik. Kajian lepas oleh *Inskeep* (1991) telah menyatakan bahawa pembangunan pelancongan haruslah dilakukan dengan terancang agar alam sekitar dan budaya sosio tempatan tidak terjejas.

Sektor pelancongan di Malaysia menjadi sangat penting sejak awal 1980-an berikutan banyak pulau-pulau yang dibangunkan untuk tujuan ini seperti Pulau Tioman, Pulau Langkawi, Pulau Redang telah dibangunkan. Kementerian Pelancongan telah menekankan bahawa pelancongan yang mampan harus dilaksanakan agar keuntungan ekonomi negara tercapai tanpa merosakkan alam sekitar dan budaya sosial komuniti tempatan (MOTAC, 2020).

Pulau Redang dikatakan telah mengalami perubahan apabila pelancongan di pulau tersebut mula berkembang. Resort-resort serta kemudahan baru diwujudkan untuk menarik kedatangan pelancong. Walaubagaimanapun, menerusi kajian oleh *Yahaya Ibrahim* (2008), beliau menjelaskan perniagaan-perniagaan pelancongan yang

wujud dimiliki oleh individu yang bukan berasal dari pulau tersebut. Penduduk tempatan kebanyakannya beralih pekerjaan sebagai nelayan kepada tukang masak, pemandu bot ataupun sebagai pekerja am. Ini jelas menunjukkan bahawa pelancongan tidak begitu membawa faedah malah penduduk tempatan juga tidak mendapat manfaat dan keuntungan yang sama rata daripada pihak-pihak yang menjalankan perniagaan pelancongan di pulau tersebut.

Pembangunan pelancongan juga turut memberi perubahan yang ketara di beberapa pulau lain seperti Pulau Pangkor dan Pulau Tioman. Sepertimana kajian yang dilakukan oleh Mohamed, Omar dan Ghani (2017), pembangunan pelancongan telah menunjukkan bagaimana sistem ekologi pantai terjejas akibat pembuangan sisa-sisa di laut serta hakisan pantai berikutan pembangunan resort-resort yang dibina berhampiran dengan garis air. Kajian ini turut mencadangkan agar aktiviti pelancongan di pulau tersebut diuruskan mengikut konsep kapasiti sokongan atau carrying capacity supaya kemampuan ekosistem marin di laut tidak terjejas.

Pulau Pangkor turut mengalami cabaran yang sama. Kajian oleh Said, Ashaari dan Khalid (2018), telah mendapati bahawa peningkatan kedatangan pelancong di Pulau Pangkor turut memberi kesan kepada ekosistem marin dan mengganggu ketenteraman penduduk tempatan. Melalui kajian yang dilakukan, mereka mencadangkan agar aktiviti pelancongan perlu dipusatkan dan difokuskan hanya di beberapa zon khas sahaja untuk memastikan kesan terhadap kawasan terlibat dapat diminimumkan.

Pembangunan pelancongan sememangnya mempunyai potensi yang besar dalam memacu kemajuan di sesebuah kawasan tetapi dengan ketidakseimbangan pelaksanaan terhadapnya serta kurangnya kemesraan dari komuniti akan mewujudkan kesan dan imej negatif. Oleh yang demikian, konsep pembangunan pelancongan haruslah berpaksikan kepada prinsip kelestarian, penerimaan dan mekanisme agar perkembangan ekonomi bertambah malah turut memelihara komuniti tempatan dari mengalami perubahan dari segi budaya, sosial dan alam sekitar.

2.1.2 Konsep komuniti

Komuniti didefinisikan sebagai sebuah kumpulan individu yang menduduki sebuah kawasan tertentu secara bersama. Mereka melalui kehidupan yang rapat dan saling menyokong satu sama lain serta menerapkan nilai-nilai budaya masyarakat. Manakala, konteks pelancongan dalam kalangan komuniti bermaksud masyarakat tempatan yang melibatkan diri dalam sektor pelancongan sama ada secara langsung dan tidak langsung. Ia merujuk kepada budaya yang ditunjukkan kepada para pelancong domestik dan luar negara, perkhidmatan dan produk.

Kajian oleh Pretty (1995) pula menjelaskan bahawa komuniti bukan sahaja dikaitkan dengan aspek geografi malah nilai sosial antara individu. Komuniti yang melibatkan diri dalam pembangunan pelancongan menjadi faktor utama bagi mengetahui sama ada destinasi pelancongan itu berjaya ataupun sebaliknya.

Ciri utama komuniti yang relevan di antaranya adalah aktiviti pekerjaan tradisional oleh masyarakat tempatan adalah nelayan dan petani yang berubah kepada sektor pelancongan. Selain itu adalah kepelbagaian adat resam, seni bina, makanan-makanan tradisional yang unik dan enak serta warisan budaya yang menjadi tarikan pelancong.

Menurut Tosun (2000) dalam kajiannya, pembangunan pelancongan memerlukan penglibatan komuniti secara aktif dan konsisten kerana dengan penglibatan komuniti akan menaikkan perasaan memiliki dan mengurangkan konflik sosial. Sekiranya komuniti dipinggirkan, ia akan menimbulkan ketidakadilan dan kesan negatif kepada kemerosotan identiti budaya dan sumber ekonomi negara.

2.1.3 Jalinan di antara pembangunan pelancongan serta komuniti

Jalinan di antara pembangunan pelancongan dan komuniti adalah sesuatu yang dianggap saling memerlukan. Pelancongan adalah tonggak utama penjana ekonomi dan nilai budaya tetapi boleh menjadi punca pelbagai isu yang melibatkan alam sekitar dan sosial. Pembangunan pelancongan memberi kesan positif kepada komuniti seperti banyak peluang pekerjaan dalam bidang pengangkutan, perkhidmatan pelancongan dan hospitaliti. Ekonomi tempatan juga akan meningkat hasil daripada kedatangan

pelancong serta pemeliharaan budaya melalui promosi kraftangan, makanan tradisional dan adat resam.

Namun pembangunan pelancongan turut memberi impak negatif seperti pencemaran alam semula jadi, budaya masyarakat yang berubah kerana pengaruh kedatangan pelancong dan kenaikan kos sara hidup yang tinggi. Penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan sangat penting bagi memastikan projek pembangunan pelancongan memberi manfaat kepada komuniti tempatan (Murphy, 1985).

Harrison dan Schipani (2007) dalam kajiannya iaitu Komersialisasi Budaya dan Ketidakseimbangan Sosial di Kuang Prabang, Laos mendapati bahawa pelancongan memberi kesan kepada ketidakseimbangan dalam pembahagian hasil pendapatan. Ini adalah kerana ada di antara komuniti setempat mendapat hasil yang lebih rendah berbanding para pelabur luar. Oleh kerana itu, penyelidik telah menyarankan agar garis panduan berhubung pelancongan ini memberi keutamaan kepada komuniti tempatan sebelum ianya diagihkan kepada pelabur luar secara adil.

Selain dari kajian ini, Cole (2007) juga dalam kajiannya bertajuk Pemerkasaan Komuniti Melalui Pelancongan Budaya di Ubud, Bali, Indonesia bagaimana penglibatan komuniti melalui kraftangan, seni persembahan dan sebagainya telah berjaya menaikkan taraf ekonomi keluarga serta memperkukuhkan identiti warisan budaya. Cole menjelaskan bahawa komuniti yang diberi peluang dalam menyuarakan pendapat dalam perancangan bagi sektor pembangunan pelancongan akan lebih bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku terhadap kedatangan pelancong.

2.1.4 Isi dan cabaran alam sekitar dan kelestarian

Pembangunan pelancongan juga mempunyai isu dan cabaran dalam melestarikan alam sekitar. Kedatangan pelancong yang tinggi menimbulkan tekanan terhadap ekosistem laut khususnya di kawasan-kawasan pulau seperti Pulau Redang. Kajian lepas oleh Salleh et al. (2011) menerangkan tentang kemusnahan terumbu karang, penurunan kualiti air laut dan pencemaran laut yang berlaku berpunca daripada aktiviti pelancongan yang tidak terkawal.

Pembinaan resort dan jeti serta kegiatan aktiviti pelancongan seperti snorkeling dan scuba menyebabkan lanskap asal Pulau Redang berubah. Menurut Mohd. Ismail et al. (2017), kawasan pantai di Pulau Redang berlaku hakisan dan sisa pepejal yang tinggi kesan daripada pertambahan pelancong saban tahun. Untuk memastikan alam semulajadi di Pulau Redang tidak terjejas dan terancam, pelaksanaan dasar iaitu Pelan Pengurusan Taman Laut perlu dilaksanakan agar kelestarian pelancongan seimbang.

Kajian oleh Wood (2001) di Pulau Sipadan, Sabah yang merupakan sebuah kawasan perlindungan hidupan marin yang bertaraf dunia. Pembangunan pelancongan yang pesat telah memusnahkan biodiversiti marin di pulau berkenaan. Kedatangan pelancong yang terlalu ramai dan pembinaan jeti serta chalet telah mengakibatkan habitat penyu dan pembentukan terumbu karang. Berikutan masalah ini, pihak kerajaan Malaysia telah mengarahkan agar pusat peranginan Pulau Sipadan ditutup agar ekosistem laut dilindungi. Menurut Wood lagi, kesan pembangunan pelancongan yang diluar kawalan akan merosakkan kesemua ekosistem marin yang wujud sejak dahulu.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Said, Ashaari dan Khalid (2018), iaitu peningkatan sisa pepejal seperti plastik akan mencemari pantai dan hidupan marin di Pulau Pangkor, Perak. Aktiviti bot laju yang bising akan mengganggu hidupan marin dan pencemaran dari bunyi yang dihasilkan. Aktiviti pelancongan perlu dihadkan kepada zon-zon yang terlibat sahaja dan memperkenalkan sistem pengurusan bersepadu di pulau ini.

2.2 Kerangka teori

Komponen penting dalam sesebuah kajian adalah kerangka teori yang mana ia dapat menentukan tujuan dan fokus kepada tajuk yang dikaji. Menerusi kajian ini, pembinaan kerangka teori bertujuan untuk mengetahui jalinan pembangunan pelancongan serta perubahan yang berlaku dalam komuniti tempatan di Pulau Redang. Dalam kajian ini, Teori Perubahan Sosial serta Teori Pembangunan yang Lestari telah dipilih untuk melengkapkan kajian ini.

2.2.1 Teori perubahan sosial

Teori ini adalah pendekatan teori mikro dalam konteks sosiologi serta psikologi untuk memahami hubungan sosial berlandaskan prinsip rasional, ganjaran dan kos. George Homans telah memperkenalkan teori ini pada tahun 1961 dan berkembang pada tahun 1964 oleh Peter Blaus. Teori ini menjelaskan bahawa individu mempunyai hak sama ada meneruskan ataupun menghentikan hubungan sosial melalui penilaian kepada manfaat yang diterima berbanding perbelanjaan yang ditanggung.

Melalui konteks pelancongan, teori pertukaran sosial ini digunakan untuk mengetahui bagaimana masyarakat tempatan menilai kesan yang berlaku dalam kehidupan mereka daripada pembangunan pelancongan. Ap, J. (1992) menyatakan bahawa penduduk akan memberi sokongan terhadap pembangunan pelancongan jika mereka mendapati ia memberi banyak manfaat dan kelebihan melalui pekerjaan, kemudahan infrastruktur, peningkatan taraf hidup dan peluang perniagaan. Walaubagaimanapun, jika didapati ia membawa kemudaratatan seperti pencemaran alam sekitar, perubahan budaya yang ketara, kos sara hidup yang tinggi ataupun hak tanah mereka dicerobohi, mereka akan menolak aktiviti pembangunan pelancongan tersebut.

Teori ini dilihat dari sudut dinamik dan subjektif. Oleh itu, kos dan manfaat akan berubah mengikut tahap pembangunan dan masa. Contoh yang boleh dijelaskan adalah ketika seseorang individu itu merasakan kos yang dikeluarkan lebih banyak dari ganjaran mereka mungkin akan mengurangkan komitmen atau keluar dari komitmen tersebut. Inilah yang menjadi topik utama kepada penduduk yang mana mereka akan menyokong pembangunan pelancongan hanya apabila matlamat dan manfaatnya adil dan jelas.

Teori ini penting untuk mengatur dasar pembangunan pelancongan yang menyeluruh. Jika pihak berkuasa mengetahui bahawa komuniti memberi sokongan sepenuhnya terhadap pelancongan namun manfaatnya harus nyata dan adil. Pembangunan pelancongan yang dilakukan haruslah mengambil kira pengagihan manfaat secara adil, keputusan dilakukan melalui penyertaan komuniti serta konflik diuruskan dengan baik.

Teori ini juga dianggap relevan untuk membuat kajian longitudinal iaitu kajian yang dilakukan sepanjang tempoh masa tertentu untuk melihat perkembangan sesuatu fenomena. Penggunaan teori pertukaran sosial ini boleh diaplikasikan menerusi soal

selidik dan temu bual untuk mengetahui nilai persepsi dari manfaat serta kos yang keluar secara sistematik.

2.2.2 Teori pembangunan yang berterusan

Teori pembangunan yang berterusan memberi penekanan terhadap keseimbangan kepada keperluan di antara sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam perubahan pembangunan pelancongan yang berlaku. Melalui konteks pelancongan, ia menegaskan bagaimana pembangunan pelancongan harus berlaku secara kekal supaya ia tidak memusnahkan ekosistem laut semula jadi agar kesejahteraan penduduk tempatan terpelihara.

Brundland Report (1987) menjelaskan bahawa pembangunan yang berterusan merupakan pembangunan yang menepati keperluan semasa dan tidak menjejaskan keupayaan individu pada masa akan datang bagi memenuhi keperluan asas mereka. Bagi konteks Pulau Redang ini, pendekatan teori ini penting supaya tidak berlaku perkara negatif iaitu kerosakan terumbu karang, pencemaran air laut dan kehilangan identitinya masyarakat di pulau ini. Oleh itu, prinsip kemampanan menjadi asas untuk merancang serta melaksanakan kegiatan pelancongan.

Konsep teori merangkumi tiga dimensi yang penting iaitu pertama pertumbuhan ekonomi yang mampan dan masyarakat tempatan mendapat peluang meneruskannya dan yang kedua, memastikan kesejahteraan dan hak masyarakat tempatan dipelihara dengan penglibatan masyarakat yang berterusan dalam pembangunan pelancongan. Seterusnya adalah memelihara agar sumber semula jadi serta biodiversiti dilindungi dengan mampan. Dimensi-dimensi ini dilaksanakan dengan seimbang dan saling bergantung bagi melaksanakan pelbagai bentuk pembangunan dan juga pelancongan.

Teori pembangunan yang berterusan mengajak masyarakat tempatan untuk diberi hak untuk bersuara berkaitan pelaksanaan dan perancangan pembangunan dan juga agar warisan budaya dilindungi. Ini adalah kerana terdapat maklumat dalam kalangan penduduk yang berpindah secara terpaksa dan mengalami tekanan ekonomi ekoran tanah mereka diambil alih bagi menjayakan projek pembangunan pelancongan. Pembangunan secara lestari akan mencadangkan rundingan secara terbuka sebelum projek pembangunan dijalankan serta pemberian pampasan secara adil kepada penduduk.

2.3 KESIMPULAN

Bab ini telah menggunakan pendekatan teori dan kajian literatur bagi isu pembangunan pelancongan dan impak terhadap komuniti tempatan di Pulau Redang. Teori oleh Butler (1980) iaitu 'Teori Kitaran Hayat Destinasi Pelancongan' juga digunakan dalam kajian ini yang menjelaskan perubahan yang berlaku kepada komuniti tempatan yang melalui fasa-fasa pembangunan pelancongan. Manakala, konsep pembangunan pelancongan lestari oleh Inskeep (1991) turut digunakan sebagai pendekatan yang penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi, budaya sosial dan alam sekitar seimbang.

Selain daripada itu, sorotan literatur juga memperlihatkan tentang kepentingan dasar pembangunan pelancongan kekal seperti mana cadangan oleh Inskeep. Pendekatan ini menekankan tentang keperluan keseimbangan di antara keperluan kepada komuniti setempat, pemuliharaan sumber asli dan pelancong dalam dan luar negeri. Kesan daripada sorotan literatur menguatkan keperluan dengan pelaksanaan amalan pelancongan yang baik dan beretika serta kelestarian yang berorientasi untuk memastikan faedah berterusan dapat dinikmati bersama oleh generasi sekarang dan seterusnya.

Rumusan yang didapati ini dapat dibuktikan bahawa konsep dan teori saling berkait bagi mengetahui cabaran serta peluang dalam pembangunan pelancongan di Pulau Redang. Aspek penting yang perlu diberi perhatian adalah penekanan terhadap pemuliharaan alam sekitar, nilai budaya dan penglibatan komuniti setempat.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi adalah aspek yang penting bagi sesuatu kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menentukan proses, arah serta teknik untuk mendapatkan data yang tepat dan diyakini. Penggunaan kaedah metodologi pada bab ini akan dibincangkan dalam kajian pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti setempat di Pulau Redang. Kaedah metodologi ini mempengaruhi kebolehpercayaan, kesahihan dan kualiti data yang diperolehi melalui kajian ini secara keseluruhan. Cresswell (2014) menyatakan bagi mengumpul serta menganalisis maklumat yang diperolehi, perancangan yang sistematik diperlukan sebagai jawapan berkaitan persoalan kajian dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Tumpuan utama kajian pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti setempat merangkumi aspek budaya, ekonomi dan sosial. Pelancongan dilihat sebagai sebuah pembangunan yang memerlukan penglibatan pelbagai peringkat masyarakat dan pemahaman mengenai isu ini perlu dikaji secara terperinci dan menyeluruh. Melalui konteks pembangunan pelancongan di Pulau Redang, ia dilihat memberi kesan terhadap pertumbuhan sektor ekonomi di pulau ini yang didapati melalui pembangunan infrastruktur, peluang pekerjaan serta pendapatan komuniti yang meningkat kesan daripada sektor pelancongan. Walaupun begitu, pembangunan pelancongan ini turut membawa cabaran dalam perubahan sosial, budaya masyarakat dan pelabur luar serta kesan terhadap alam semulajadi di Pulau Redang yang dicemari.

Metodologi yang digunakan dalam bab ini adalah bagi memastikan data yang didapati menggambarkan situasi sebenar di lapangan dan boleh dirumuskan secara tersusun bagi memperoleh jawapan tepat daripada persoalan kajian yang dijalankan. Pemilihan kaedah dalam penyelidikan yang dilakukan dan strategi yang digunakan adalah bersesuaian dengan persoalan kajian yang menyentuh isu pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti tempatan di Pulau Redang. Aspek metodologi yang dirancang secara teliti dilakukan seiring dengan keperluan bagi menghasilkan dapatan kajian yang baik dan sempurna.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini merupakan proses bagi mengumpulkan pelbagai analisis data. Ia dipilih kerana ia dapat memberi kefahaman kepada pengkaji dalam isu yang dikaji iaitu pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti setempat secara lebih mendalam, spesifik serta menganalisis pengalaman secara langsung yang dialami oleh masyarakat di Pulau Redang. Cresswell (2013) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif memberi tumpuan kepada tafsiran atau pandangan yang dikaitkan dengan pengalaman dan tindakan individu terhadap persekitaran di sekeliling mereka. Oleh kerana itulah, pendekatan kualitatif dianggap paling sesuai digunakan dalam kajian yang memerlukan pengkaji meneroka isu fenomena yang tidak jelas dan rumit dengan lebih mendalam.

Pendekatan kualitatif sangat berbeza dengan pendekatan kuantitatif yang mana kuantitatif memerlukan penekanan ke atas pengukuran data secara lebih statistik dan melibatkan pengujian hipotesis dalam skala yang lebih besar. Pendekatan kualitatif dilihat sebagai sesuatu yang lebih fleksibel, terbuka serta bersifat bebas dalam reka bentuk. Ia membolehkan segala maklumat berkumpul melalui kaedah temu bual yang lebih mendalam serta melalui pemerhatian lapangan. Secara tidak langsung pendekatan ini memberi ruang kepada pengkaji untuk menyelidik dan meneliti kesan pelancongan terhadap sosio budaya, ekonomi, kesannya terhadap alam sekitar dan perubahan komuniti dengan lebih terperinci.

Denzin dan Lincoln (2011) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif memberi penekanan terhadap aspek subjektif, peningkatan realiti dan pengalaman secara langsung yang dialami oleh seseorang individu. Ia membolehkan seseorang pengkaji untuk membina kefahaman yang lebih luas dan mendalam tentang isu sosial yang dikaji. Masyarakat di Pulau Redang mempunyai kehidupan sosial yang agak unik, jalinan perhubungan kemasyarakatan yang erat dan bergantung kepada sumber ekonomi dalam sektor pelancongan dan perikanan secara tradisional. Oleh yang demikian, perubahan-perubahan yang berlaku kesan daripada aktiviti pembangunan pelancongan harus difahami melalui konteks budaya setempat dan isu ini tidak dapat dijelaskan dengan lebih terperinci dan berkesan melalui pendekatan kuantitatif sahaja. Ini adalah kerana ia mempengaruhi pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat iaitu hubungan, komunikasi, strategi dan keputusan.

Pendekatan kualitatif juga merupakan suatu kaedah yang berbentuk eksploratori yang mana membenarkan pengkaji untuk meneroka sesuatu peristiwa dengan lebih mendalam dan lebih terbuka tanpa terbatas kepada sebuah pembolehubah yang ketat.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah sebuah rangka utama yang bertindak sebagai panduan yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian serta mencapai objektif kajian yang telah ditentukan. Ia merupakan kerangka asas kepada keseluruhan proses penyelidikan merangkumi prosedur dan strategi yang digunakan. Robson & Mc Carta (2016) menyatakan bahawa reka bentuk sebuah kajian perlu dirangka dengan berhati-hati supaya semua proses penyelidikan dapat dilakukan secara lebih konsisten, sistematik dan berkesan bagi memperolehi data mengikut teori yang tepat.

Reka bentuk kajian berbentuk kajian kuantitatif akan digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah tinjauan lapangan dan juga kaedah kualitatif iaitu kaedah temu bual. Pemilihan pendekatan ini dapat memberi kemudahan kepada penyelidik untuk memperolehi penilaian terhadap kesan pembangunan pelancongan kepada masyarakat tempatan melalui dua perspektif utama. Ia meliputi data statistik melalui kaedah kuantitatif dan melalui sudut pandangan subjektif iaitu kaedah kualitatif. Menurut Cresswell & Clark (2011), kombinasi kaedah ini merupakan pendekatan yang mengandungi kajian bercampur atau lebih dikenali sebagai 'mixed methods' yang mana pendekatan ini banyak digunakan dalam penyelidikan yang berbentuk kajian sosial serta pembangunan komuniti.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan gabungan temu bual secara separa berstruktur serta pemerhatian tanpa struktur iaitu berorientasikan induktif. Menurut Patton (2002), pelbagai kaedah kualitatif yang digunakan memberi peningkatan terhadap kebolehpercayaan data yang diperolehi. Pengkaji dapat membina kefahaman yang lebih luas dalam konteks sosial budaya, individu dan masyarakat.

3.3.1 Kaedah Temu bual

Kaedah secara temu bual separa berstruktur merujuk kepada temu bual yang dilakukan oleh penyelidik dengan menyediakan senarai soalan penting untuk ditanya kepada individu terbabit. Ia juga membolehkan penyelidik untuk bertanyakan soalan tambahan mengikut kesesuaian perbualan antara penyelidik dan individu tersebut.

Kvale (1996) menyatakan bahawa temu bual adalah bersifat aktiviti penyelidikan yang lebih mendalam dan informan bebas untuk menyatakan pendapat mereka secara terbuka. Kajian kualitatif ini amat penting bagi memahami pengalaman dan persepsi masyarakat secara lebih mendalam dan bukan hanya sekadar bagi mendapatkan pengumpulan data dan fakta yang diperolehi.

3.3.2 Kaedah Pemerhatian

Pengkaji dapat melihat dan menilai perubahan persekitaran, tingkah laku dan interaksi secara langsung melalui kaedah pemerhatian. Menurut Spradley (1980), pemerhatian di lapangan dapat membantu pengkaji untuk memahami mesej yang disampaikan melalui aktiviti harian masyarakat. Kaedah ini turut memberi manfaat kepada penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkemungkinan tidak dinyatakan dengan jelas oleh informan secara langsung. Ia juga dapat membantu penyelidik tidak hanya bergantung kepada sebarang peraturan bagi mendapatkan data. Pemerhatian juga dapat dilakukan secara bebas di lokasi- lokasi yang berkaitan terutamanya di kawasan pantai, jeti, gerai-gerai makanan dan di kawasan penginapan.

3.4 SUMBER DATA KAJIAN

Data primer dan sekunder yang digunakan amat penting bagi memastikan data yang diperolehi sah dan tepat. Menurut Denzin (1978), penggunaan pelbagai sumber data akan meningkatkan kesahihan serta kebolehpercayaan menerusi kaedah kajian yang mementingkan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu peristiwa, fenomena dan pengalaman. Ia juga merangkumi data yang lebih terperinci sebagai contoh simbol, perkataan atau gambar yang diperolehi daripada kaedah temu bual, pemerhatian, kajian jurnal dan akademik.

3.4.1 Data Primer

Data primer didefinisikan sebagai data yang berasal dari sumber asli atau pertama yang mana maklumat yang diperolehi secara terus melalui sumber yang didapati daripada individu, kelompok masyarakat atau kumpulan dan keadaan semasa yang berkaitan dengan persoalan kajian dan objektif kajian yang diselidik. Melalui

konteks penyelidikan ini, data primer yang didapati menerusi kaedah temu bual separa berstruktur serta kaedah pemerhatian lapangan yang dilakukan di Pulau Redang.

Data yang diperolehi ini sangat penting kerana ia membantu pengkaji untuk memahami pandangan, pengalaman dan tindak balas secara semulajadi tanpa paksaan masyarakat tempatan tentang pembangunan pelancongan di Pulau Redang. Data primer dalam kajian kualitatif sangat bernilai kerana data ini dicapai daripada peristiwa sebenar yang dialami oleh responden (Cresswell, 2014). Pengkaji dapat memahami maksud yang terlihat melalui komunikasi tentang emosi, perasaan dan tingkah laku seseorang menerusi pergerakan badan seperti ekspresi muka dan tutur kata yang tidak dapat dijelaskan dalam bentuk kuantitatif. Secara tidak langsung pengkaji berpeluang untuk melihat dengan lebih mendalam bagaimana masyarakat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dan pandangan mereka terhadap kesan pembangunan pelancongan yang membawa perubahan dalam kehidupan seharian mereka.

Data primer dalam kajian ini didapati daripada dua kategori yang utama yang mana ia terdiri daripada masyarakat tempatan dan penduduk asal Pulau Redang iaitu ketua kampung, nelayan dan peniaga kecil-kecilan. Seterusnya adalah individu yang terlibat dengan aktiviti pelancongan iaitu pemandu pelancong, pekerja resort, pemilik chalet dan pengusaha bot. Data primer yang diperolehi melalui pendekatan kaedah temu bual separa berstruktur memberi peluang kepada informan untuk menyatakan pendapat dan pandangan mereka secara terbuka. Manakala, pendekatan kaedah pemerhatian tidak berstruktur digunakan untuk mengenal pasti interaksi sosial, tingkah laku dan suasana yang berlaku dalam masyarakat di Pulau Redang tanpa terpengaruh dengan budaya luar.

Data primer merupakan peranan penting bagi kajian ini kerana ia memberikan maklumat secara empirikal iaitu kajian yang bermula dari pemerhatian yang berlaku terhadap sesuatu situasi. Pemerhatian yang dijalankan mencetuskan satu inferens serta kesimpulan awal. Data dan maklumat ini merupakan dasar terhadap proses analisis tematik yang akan digunakan dalam bab yang seterusnya.

3.4.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada kajian sumber dan maklumat sedia ada yang telah direkodkan ataupun diterbitkan sebelum penyelidikan dijalankan. Pengumpulan data ini bertujuan untuk menyokong serta menyempurnakan dapatan yang diperolehi melalui data primer yang memberi gambaran umum dalam konteks kajian yang dikaji iaitu pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti setempat di Pulau Redang.

Johnston (2014) menyatakan bahawa data sekunder adalah cara pengkaji dalam melakukan triangulasi maklumat, ia membuktikan fakta dan mengenal pasti kajian lepas yang berkaitan dengan isu yang sedang dikaji. Proses ini dapat menjimatkan masa dan menyokong dapatan kajian yang didapati dari sumber data primer.

Data sekunder dalam kajian ini diperolehi daripada pelbagai sumber dokumen iaitu melalui kajian jurnal dan akademik yang terdiri daripada kajian-kajian lepas khususnya kajian yang berkaitan dengan teori pembangunan pelancongan dan kesannya. Selain itu laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pusat Pelancongan Negeri Terengganu juga memberi maklumat dengan mengeluarkan laporan rasmi kerajaan serta agensi-agensi berkaitan. Seterusnya adalah bahan rujukan melalui buku-buku dan bacaan ilmiah yang mengandungi teori pembangunan pelancongan oleh pakar-pakar kajian pelancongan. Ia termasuklah buku karya Yahaya Ibrahim (2016) yang menyentuh isu pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti di Pulau Redang.

Penggunaan data sekunder membantu pengkaji untuk merangka teori dengan kukuh selain daripada memahami trend pelancongan dan perkembangan sejarah di pulau ini. Pertambahan jumlah kemasukan pelancong dan usaha kerajaan dalam mempromosikan produk pelancongan diperolehi secara luas melalui data sekunder.

3.5 TEKNIK PERSAMPELAN DATA

Persampelan adalah merujuk kepada proses untuk mendapatkan lokasi dan pemilihan individu dalam kajian kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih lengkap dan relevan berkaitan dengan isu yang dikaji. Pendekatan persampelan dalam kajian kualitatif ini adalah

supaya informan dipilih dengan tepat berdasarkan latar belakang, pengalaman dan pengetahuan mereka tentang pembangunan pelancongan.

Persampelan merupakan teknik penyelidikan yang membolehkan pengkaji mendapat data yang berguna dan bermanfaat daripada informan yang dipilih (Patton, 2002). Kualiti data yang didapati melalui pendekatan kualitatif adalah lebih penting berbanding jumlah sampel yang besar. Walaupun begitu, informan yang dipilih bukanlah secara rawak tetapi menitikberatkan kriteria yang telah ditetapkan sebagai jaminan agar kajian terhadap komuniti di Pulau Redang dapat dikaji secara holistik.

Beberapa kriteria informan dipilih mengikut kesesuaian kajian yang dilakukan di antaranya adalah informan merupakan penduduk tetap di Pulau Redang atau sekurang-kurangnya lima tahun berada di pulau tersebut. Selain itu, informan harus dipilih berdasarkan keterlibatan mereka secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pelancongan iaitu peniaga kecil, pekerja resort, pemandu pelancong, nelayan dan pengusaha chalet. Informan perlu berpengetahuan terhadap perubahan ekonomi, budaya sosial serta alam sekitar dalam kawasan yang dikaji. Mereka juga harus bersedia untuk memberi kerjasama dan dapat menyampaikan maklumat secara terbuka sewaktu ditemubual.

3.6 ANALISIS DATA

Analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui pendekatan analisis tematik iaitu metod analisis data kualitatif yang menggunakan identifikasi pola makna dalam data. Analisis tematik telah digunakan dalam beberapa penyelidikan sains sosial, termasuklah kajian perpustakaan dan proses mentafsir tema, menganalisis maklumat dan corak yang terdiri daripada data kualitatif. Pemilihan pendekatan memberi keupayaan dan fleksibiliti terhadap pengalaman dan pandangan dari informan dengan lebih mendalam.

Braun dan Clarke (2006) menyatakan tentang kaedah sistematik iaitu analisis tematik yang sesuai dalam penyusunan data sewaktu proses mengkodifikasi dan menganalisis dijalankan. Proses analisis mengandungi beberapa langkah penting iaitu membaca serta memahami data yang didapati secara keseluruhan dan kemudian melakukan penjanaan kod awal yang terdiri daripada penggunaan pendekatan induktif.

Seterusnya, subjektif utama akan dikenal pasti menerusi kod yang berulang serta mengkaji tema mengikut ketepatan dan kesesuaian data yang diterima. Ini adalah bagi

memastikan konsep tema yang diperoleh adalah tepat dan berkualiti. Ia merangkumi dapatan kajian dengan menggabungkan petikan data dan tafsiran bagi menjelaskan makna dan tujuan.

Penggunaan kaedah kualitatif ini membantu pengkaji membuat analisis pelbagai pandangan informan tentang impak daripada pembangunan pelancongan yang berlaku dari aspek sosial, ekonomi, komuniti dan alam semulajadi di Pulau Redang. Kod-kod yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri khas dan direkodkan secara manual melalui teknik pengkodan secara terbuka (open coding) dan analisis secara pengkodan yang berasaskan tema axial coding untuk menghubungkan draf utama.

3.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab 3 ini menghuraikan secara lebih jelas tentang metodologi kajian bagi memahami kesan pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti setempat di Pulau Redang. Reka bentuk kajian yang dipilih iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif adalah strategi utama bagi memastikan perolehan dapatan kajian sahih, menyeluruh dan dapat menggambarkan tentang realiti kehidupan sebenar masyarakat yang dikaji di Pulau Redang. Reka bentuk yang digunakan memudahkan pengkaji mendapatkan seluruh data empirikal yang corak statistik melalui persepsi masyarakat dan juga dapat memahami pandangan mereka terhadap pembangunan pelancongan yang berlaku di Pulau Redang.

Pelaksanaan kajian lapangan dan pemerhatian menyokong objektif kajian dicapai sepenuhnya dengan penilaian berkesan kepada struktur komuniti tempatan kesan daripada pembangunan pelancongan di Pulau Redang. Penekanan terhadap kepentingan pendekatan yang berbeza di antara data kualitatif dan data kuantitatif untuk meluaskan cabang skop agar pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam serta dapat memperkukuhkan lagi kualiti terhadap dapatan kajian.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini adalah bagi membincangkan dapatan dari hasil analisis data yang diperolehi daripada kaedah temu bual dan pemerhatian separuh berstruktur. Tujuannya adalah bagi mengetahui tentang pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti di Pulau Redang. Isu utama adalah penglibatan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan dan kesannya terhadap ekonomi, budaya sosial, dan kesan perubahan alam semulajadi akibat daripada aktiviti pelancongan yang berlaku di Pulau Redang.

Pulau Redang telah menjadi salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia; terkenal sebagai pantai berpasir putih, air laut yang jernih serta kaya dengan ekosistem marin yang cantik. Seiring dengan peningkatan bilangan pelancong, komuniti tempatan turut mengalami perubahan dalam kehidupan seharian mereka, sama ada dari aspek sosial, budaya mahupun ekonomi. Justeru, bab ini akan menganalisis pengalaman komuniti tempatan berdasarkan tiga persoalan kajian utama.

Data yang diperolehi adalah pengumpulan daripada temu bual yang dilakukan bersama beberapa penduduk kampung yang bekerja di resort, peniaga kecil, nelayan dan ketua kampung serta kaedah pemerhatian secara tidak berstruktur di lakukan di beberapa lokasi utama seperti kawasan jeti, resort, kawasan penempatan penduduk, pantai dan kawasan perniagaan kecil. Ia yang membolehkan pengkaji untuk menilai aktiviti yang berlaku serta interaksi komuniti dan pelancong secara lebih tersusun. Menurut Blaxter (2006), kaedah temu bual memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pengalaman dan persepsi daripada pihak-pihak yang terlibat. Gabungan kedua-dua data ini telah dianalisis dalam bentuk kualitatif yang akan memberikan gambaran lebih jelas dan menyeluruh tentang kesan daripada pembangunan pelancongan dan perubahan komuniti serta alam sekitar yang berlaku di Pulau Redang.

Kaedah gabungan ini membolehkan penemuan kajian dibina pada pandangan subjektif penduduk dan diperkuatkan dengan bukti pemerhatian yang lebih objektif. Analisis akan dibentangkan merujuk kepada kajian-kajian lain serta rujukan pakar untuk membincangkan

tiga persoalan kajian secara menyeluruh iaitu cabaran komuniti tempatan menyesuaikan diri dengan perubahan sosial akibat aktiviti pelancongan, kesan pembangunan pelancongan terhadap peningkatan sosioekonomi komuniti tempatan dan strategi memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan di Pulau Redang.

4.1 TEMU BUAL

Kaedah temu bual adalah penting untuk digunakan bagi pengkaji untuk mendapatkan beberapa sumber maklumat yang lebih lengkap daripada komuniti tempatan di Pulau Redang. Temu bual yang dijalankan adalah berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di awal bab. Di antara objektif kajian adalah cabaran komuniti tempatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dari pembangunan pelancongan, kesan pembangunan pelancongan terhadap peningkatan sosio ekonomi komuniti setempat dan strategi untuk memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan di Pulau Redang. Temu bual yang dijalankan bergantung kepada masa dan keadaan informan, dijalankan secara bersemuka dan melalui panggilan telefon. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh, pengkaji telah menemu bual 5 orang informan secara bersemuka. Informan-informan ini mempunyai latar belakang kerjaya yang berlainan dan ada di antara mereka mempunyai peranan yang penting dalam komuniti tempatan di pulau ini.

Bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data dan memastikan identiti serta latar belakang beberapa informan dirahsiakan, beberapa kod khas diberikan kepada setiap informan. Mereka yang memberi maklumat mengikut kategori objektif kajian adalah terdiri dari ketua kampung, penduduk tempatan yang bekerja sebagai peniaga kecil, pekerja resort dan nelayan. Informan-informan ini merupakan penduduk yang telah menetap di pulau ini lebih dari 5 tahun dan bekerja sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam industri pelancongan di Pulau Redang. Oleh itu, pemilihan mereka telah dilakukan secara pensampelan bertujuan untuk mengenal pasti jantina, umur, serta pekerjaan setiap informan dalam jadual berikut:

Kod Informan	Umur	Jantina	Pekerjaan
Informan 1 (I1)	63 Tahun	Lelaki	Ketua Kampung
Informan 2 (I2)	28 Tahun	Perempuan	Pekerja Resort
Informan 3 (I3)	36 Tahun	Lelaki	Perniaga Kecil
Informan 4 (I4)	45 Tahun	Lelaki	Nelayan
Informan 5 (I5)	56 Tahun	Lelaki	Peniaga Kedai

Jadual 1: Kod Informan Temu Bual

Penduduk tempatan yang telah menetap di Pulau Redang selama lebih daripada 10 tahun mempunyai pengalaman secara langsung dengan pertumbuhan pembangunan pelancongan di pulau ini. Informan-informan ini telah memberi kerjasama yang baik sewaktu ditemu bual bersama pengkaji.

Informan-informan yang dipilih ini adalah di antara individu penting berdasarkan pengalaman, penglibatan dalam pelancongan dan tempoh mereka menetap di Pulau Redang. Setiap informan terdiri dari pelbagai latar belakang, taraf ekonomi dan peringkat umur yang berbeza. Temu bual yang dijalankan dapat memberikan penjelasan terhadap persoalan-persoalan kajian yang ingin dikaji.

4.1.1 Latar Belakang Informan

Kajian ini melibatkan temu bual dengan lima orang individu daripada komuniti Pulau Redang yang berbeza dari segi umur, jantina, pekerjaan dan status sosio ekonomi. Untuk memberikan kepelbagaian perspektif untuk isu yang ingin dikaji, informan dipilih berdasarkan kriteria dan elemen tertentu bagi tujuan penelitian terhadap isu yang dikaji. Pemilihan ini penting kerana pembangunan pelancongan memberi kesan kepada pelbagai orang mengikut tahap penglibatan mereka dalam industri.

4.1.2 Profil Informan

Empat daripada informan adalah lelaki, manakala seorang lagi adalah informan wanita. Informan juga terdiri dari dua orang yang berumur antara 20 dan 35 tahun, dua orang yang berumur 36 hingga 55 tahun dan seorang lagi berumur lebih daripada 56 tahun. Dari segi pekerjaan, seorang daripada informan bekerja dalam industri pelancongan seperti pekerja resort. Manakala, dua orang daripada mereka bekerja dalam perniagaan kecil-kecilan seperti kedai runcit dan gerai makanan. Seorang informan masih mencari pendapatan sebagai nelayan. Temu bual juga dibuat bersama ketua kampung bagi mendapatkan informasi yang lebih jelas berkaitan isu yang dikaji di pulau ini. Informan yang mempunyai pengalaman langsung dalam industri pelancongan mempunyai perspektif yang berbeza daripada mereka yang tidak berpengalaman. Contohnya, pekerja resort mengutamakan peluang pekerjaan manakala nelayan mengutamakan kos sara hidup dan pencemaran laut. Hasilnya lebih menyeluruh kerana perbezaan ini.

4.1.3 Tahap Penglibatan dalam Pelancongan

Majoriti informan mengakui bahawa mereka atau ahli keluarga mereka telah terlibat dalam industri pelancongan sejak 10 hingga 15 tahun kebelakangan ini. Majoriti komuniti di pulau sebelum pelancongan membangun di pulau ini, mereka bekerja sebagai nelayan atau petani kecil. Peralihan pekerjaan ini menunjukkan transformasi besar dalam struktur ekonomi negara. Walau bagaimanapun, disebabkan minat mereka bahkan juga mereka tidak mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam industri pelancongan, ada dalam kalangan mereka memilih untuk kekal dalam pekerjaan tradisional sahaja. Ini juga disebabkan mereka bimbang jika generasi kini jauh meninggalkan adat dan tradisi yang semakin hilang.

Walaupun bagaimanapun, informan yang lebih muda berumur lingkungan 20 hingga 35 tahun lebih cenderung memilih sektor pelancongan sebagai peluang kerjaya yang lebih menjamin pendapatan berbanding sektor perikanan yang semakin berkurangan akibat penurunan hasil laut. Ini juga adalah disebabkan bekerja di sektor pelancongan membolehkan mereka mendapat pendapatan secara tetap. Sebaliknya, informan yang lebih tua menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kehilangan

identiti nilai tradisional kerana generasi muda kebanyakannya beralih kepada pekerjaan berkaitan pelancongan.

4.1.4 Pandangan Penduduk Terhadap Pembangunan Pelancongan

Secara amnya, semua informan yang ditemu bual bersetuju bahawa kemajuan pelancongan membawa banyak perubahan besar kepada kehidupan mereka. Mereka hanya tidak bersetuju jika pelancongan membawa kepada perubahan baik atau buruk. Ada yang melihatnya sebagai cabaran kepada kelestarian budaya dan persekitaran, manakala yang lain melihatnya sebagai peluang kewangan. Sebagai contoh, seorang informan yang ditemubual (I2) menyatakan,

"Dulu, cara hidup sederhana je, makanan pun cukup jer tiap-tiap hari. Tapi bila orang luar mari melancong sini, kerja berkait dengan pelancongan ni makin banyak jadi pendapatan pun meningkat, tapi perbelanjaan sara hidup pun meningkat jugak."

Beliau turut mengakui bahawa industri pelancongan memberi kesan besar kepada perbelanjaan rumah beliau yang mana harga barang keperluan makanan semakin mahal. Beliau turut menyatakan bahawa,

"Memang la penat bekerja kat resort, nak-nak bila time pelancong datang ramai, letih tapi berbaloi dan saya bersyukur sebab dengan kerja ini saya boleh beli apa yang anak-anak nak. Barang bukan murah sekarang, semua nak guna duit."

Dengan menyelami hati penduduk di pulau ini, ianya menunjukkan bahawa peningkatan pelancongan di Pulau Redang mempunyai kesan yang pelbagai. Pembangunan pelancongan bukan hanya meningkatkan ekonomi, tetapi juga

menimbulkan masalah seperti kos sara hidup, identiti budaya dan gaya hidup masyarakat.

4.2 CABARAN KOMUNITI TEMPATAN DALAM MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERUBAHAN SOSIAL YANG DIBAWA OLEH AKTIVITI PELANCONGAN

Kehidupan budaya penduduk Pulau Redang telah berubah dengan agak ketara, ini berdasarkan hasil yang diperolehi daripada keputusan temu bual yang dilakukan bersama informan. Informan yang berumur lebih berusia merupakan penduduk tempatan yang paling lama menetap di pulau ini menyatakan tentang terdapat perbezaan dan persamaan antara kehidupan mereka sebelum dan selepas pelancongan membangun di Pulau Redang.

4.2.1 Identiti dan amalan budaya tradisional masih dikekalkan setelah kehadiran pelancong asing

Masyarakat tempatan dahulu bergantung kepada hasil laut untuk meneruskan kehidupan dan hidup secara sederhana. Dalam kesibukan, mereka masih berpeluang untuk bergotong royong dalam majlis keraian seperti kenduri kahwin dan aktiviti yang dijalankan bersama penduduk kampung. Namun disebabkan kini semua orang sibuk mencari wang melalui sektor pelancongan, penglibatan penduduk semakin berkurang kerana kesibukan tugas masing-masing. Menurut 'Pok Ki', beliau merupakan seorang ketua kampung yang telah berkhidmat untuk memimpin Kampung Baru Pulau Redang selama hampir 15 tahun. Menurut beliau,

"Dulu semua orang dalam kampung ni biasanya akan datang untuk membantu apabila ada kenduri. Kalau ada kematian pun biasa esok diorang tak turun ke laut.. macam tanda hormat. Sekarang semua orang dalam kampung ni kebanyakannya sibuk dengan bekerja di resort, ada yang berniaga. Tapi gotong-royong tu masa kenduri tetap berjalan macam biasa sebab kami masih gotong royong masak sendiri, sini tak ada khidmat catering."

Ketua Kampung turut menyatakan sebagai orang penting dalam komuniti di pulau ini, beliau akan memastikan supaya penduduk kampung digalakkan untuk sentiasa turut serta dalam apa juga program yang diadakan agar hubungan antara mereka kekal erat. Walau bagaimanapun, beliau akan memastikan bahawa budaya gotong-royong dan bermuafakat bersama komuniti di pulau ini akan tetap diteruskan kerana tidak mahu generasi muda tidak mengenali antara satu sama lain kerana pulau tersebut bukanlah begitu besar dan kebanyakan daripada mereka saling mengenali baik dari peringkat muda hingga tua.

Kajian yang dilakukan oleh Nor Ashikin (2018) menunjukkan bahawa pertumbuhan pelancongan di pulau peranginan sering membawa kepada peralihan daripada budaya kolektif iaitu sebuah sistem yang mana kepentingan kelompok lebih diutamakan daripada kepentingan individu. Keutamaan ini adalah berdasarkan kepada tujuan, kewajiban serta kepentingan kumpulan yang diperlukan oleh masyarakat setempat. Mengikut arus permodenan, budaya ini beralih kepada budaya yang lebih berorientasikan perdagangan.

4.2.2 Perubahan sosial utama yang berlaku dalam kalangan masyarakat selepas pembangunan pelancongan di Pulau Redang

Majoriti informan yang ditemu bual berkata bahawa masyarakat tempatan masih berkomunikasi dengan baik terhadap pelancong. Komuniti di pulau ini menyedari bahawa keramahan mereka terhadap pelancong baik kepada pelancong tempatan ataupun luar telah meningkatkan imej pulau mereka dan dapat memastikan sumber rezeki kekal dengan baik. Walau bagaimanapun, ada sesetengah daripada mereka menyatakan bahawa mereka tidak selesa apabila beberapa pelancong tidak menghormati adat tempatan.

Informan (I2) menjelaskan,

"Disebabkan pelancong adalah sumber pendapatan kami, kami kenalah layan dengan baik. Tapi dalam baik tu ada juga pelancong luar ambik kesempatan, tidak hormat adat resam budaya sini, mereka buat bunyi bising pada waktu malam dan ada sebilangan pelancong ni pakai pakaian yang tak senonoh di kawasan kampung. Walaupun tak semua tapi budaya luar mereka boleh mempengaruhi jiwa anak-anak muda."



Gambar 1: Bergambar Bersama Salah Seorang Pekerja Di Asmadi Redang Island Resort

(Sumber : Kajian Lapangan, 28 Julai, 2025)

Henderson (2009) telah menyatakan bahawa interaksi antara pelancong dan komuniti tempatan boleh menyebabkan konflik nilai terhadap komuniti dan juga dapat menggalakkan hubungan budaya wujud.

4.2.3 Kesan budaya luar yang di bawa oleh pelancong terhadap cara hidup masyarakat

Informan yang ditemu bual menyatakan bahawa identiti budaya boleh dikekalkan tetapi apabila budaya luar semakin menonjol, cabarannya semakin besar. Sebagai contoh, budaya berpakaian sopan dalam kalangan remaja semakin terhakis akibat daripada pengaruh gaya pelancong asing tetapi aktiviti keagamaan dan adat resam penting seperti kenduri kahwin, berzanji, dan doa selamat masih dilakukan. Menurut informan,

“Pro kontra dalam pelancongan memang ada, dulu masyarakat kat sini agak kebelakang sikit banding dengan orang di tanah besar, banyak berubah tapi masih kekalkan adat. Orang sini dulu ia agak tertutup sikit kalau oarang luor mari tapi sekarang banyak dah beza.”

Beliau menyifatkan bahawa masyarakat yang berada di tanah besar yang bermaksud daratan amat berbeza sikap dan keperibadian mereka berbanding dengan masyarakat di pulau. Menurutny lagi masyarakat di Pulau Redang kadangkala bersikap agak dingin apabila menerima kedatangan orang asing yang datang ke pulau ini. Situasi ini agak berbeza kerana masyarakat di Pulau Redang kini bersikap lebih terbuka. Namun beliau tetap bimbang jika adat resam semakin pupus jika generasi muda semakin terpengaruh dengan budaya luar.

"Adat resam kita masih wujud, tetapi apabila anda melihat kanak-kanak ni, mereka macam nak terikut gaya pelancong luar ni. Saya risau makin lama kita akan kehilangan identiti kita sendiri."

Kajian oleh Jamaludin et al. (2014) menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa masyarakat pulau di Malaysia berdepan cabaran besar dalam mengekalkan identiti budaya tradisional akibat arus globalisasi pelancongan.

“Pakaian orang dulu, yer pakai kain jer, selipar pun tak dok, kaki ayam jer, leni tak dok dah, orang pakai suor belaka dah, mudah.”

(Informan 1)

Pengkaji turut mengambil peluang untuk memerhati keadaan sekeliling bagi melihat sendiri apakah terdapat perubahan terhadap budaya masyarakat di pulau ini. Anak-anak muda yang dilihat masih mengamalkan pemakaian yang sopan walaupun gaya mereka agak moden. Namun terdapat juga sebilangan penduduk yang kelihatan mewarnakan rambut dan berpakaian tidak sesuai dengan umur mereka.

4.2.4 Kesan negatif yang timbul akibat pembangunan pelancongan

Pencemaran sampah, kesesakan di jeti pada musim puncak, gangguan bunyi daripada aktiviti hiburan resort dan kerosakan ekosistem seperti terumbu karang yang disebabkan oleh menyelam dan snorkeling adalah antara isu utama yang disebut oleh responden.

Informan 4 iaitu seorang nelayan (I4) menyatakan,

"Masa musim pelancong datang pulau ni, laut penuh dengan bot. Suka bila ramai sebab masyarakat kampung boleh jana pendapatan tapi musim tengkujuh nak turun ke laut pun susah. Pelancong terlampau ramai pun susah juga sebab sampah banyak, ada pulak pelancong yang tak ikut arahan, sampai batu karang jadi rosak."

Perkara ini disokong melalui kajian yang dilakukan oleh Musa dan Thirumoorthi (2016) yang menunjukkan bahawa pertumbuhan pelancongan di pulau-pulau tropika Asia Tenggara sering menyebabkan ekosistem marin terjejas dan pantai tercemar. Perubahan monsun turut menjejaskan pendapatan komuniti melalui pelancongan.

Longgokan sampah kelihatan di tempat pembuangan sampah yang berada di sebuah kawasan di pulau ini, longgokan sampah yang banyak perlu dihapuskan dengan cara yang betul kerana proses pembersihan sampah perlu dilakukan di pulau itu sendiri. Terdapat juga sebilangan pelancong luar yang berkelakuan kurang sopan di pulau ini dengan membuang sampah merata tempat. Pengkaji melihat sendiri segelintir pelancong asing yang tidak mempunyai kesedaran diri untuk bekerjasama menjaga kebersihan. Walau bagaimanapun, penduduk tempatan di pulau ini sangat mencintai pulau mereka dengan saling bekerjasama untuk memastikan kebersihan pulau mereka. Penduduk tempatan memainkan peranan mereka sebagai masyarakat yang bertanggungjawab.



Gambar 2: Kehadiran pelancong yang ramai menyumbang kepada peningkatan sisa buangan.

(Sumber : Kajian Lapangan, 28 Julai, 2025)

Menerusi temu bual dan pemerhatian yang dijalankan berkaitan isu ini jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan pelancongan menyebabkan komuniti tempatan Pulau Redang menghadapi pelbagai masalah sosial dan pertambahan ekonomi.

Perubahan budaya, tekanan kos sara hidup, cabaran ekologi dan sosial adalah isu utama, walaupun terdapat peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup. Hasil ini menunjukkan dilema antara kelestarian sosial budaya dan kemajuan ekonomi, yang memerlukan kaedah yang mengimbangi untuk memastikan komuniti tempatan dapat menyesuaikan diri tanpa kehilangan identiti asal mereka.

4.3 KESAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN TERHADAP PENINGKATAN SOSIO EKONOMI KOMUNITI SETEMPAT

Kedatangan pelancong ke Pulau Redang bukan hanya memberi perubahan kepada cara kehidupan masyarakat tempatan, tetapi turut memberi kesan yang ketara terhadap pembangunan sosio ekonomi di pulau ini. Temu bual dan pemerhatian yang dijalankan memberi anggapan bahawa sektor pelancongan adalah faktor utama peningkatan sumber ekonomi di Pulau Redang. Walau bagaimanapun, manfaat kepada ekonomi tidaklah sekata kerana wujudnya ketidakseimbangan pendapatan yang diterima oleh penduduk tempatan.

4.3.1 Penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan pelancongan

Majoriti informan mengatakan bahawa penglibatan komuniti tempatan dalam pelancongan telah meningkat sejak 10 hingga dua 20 kebelakangan ini. Ramai penduduk tempatan bekerja sebagai pekerja am, tukang masak, pemandu pelancong dan pengurus operasi kecil di resort-resort di Pulau Redang ini. Selain itu, ada juga sesetengah penduduk mencari peluang dengan membuka gerai makanan, kedai runcit atau perkhidmatan sewa bot. Walau bagaimanapun, masih ada sebilangan penduduk yang masih melakukan pekerjaan secara tradisional sebagai nelayan.

Informan 4 (I4) turut menjelaskan ,

"Dulu orang sini memang 100% nelayan, orang tak beli ikan, ikan semua jala sendiri, siap bebagi ikan kat orang, saya cuba jugak mintak kerja bahagian pelancongan tapi tak dapat jadi saya teruskan jugak la jadi nelayan, mungkin faktor usia, orang dah tak nak ambik kerja. "

Kajian Salleh et al. (2016) menunjukkan bahawa peningkatan pelancongan di pulau peranginan di Malaysia telah meningkatkan lebih banyak penyertaan daripada komuniti tempatan dalam pelbagai bidang ekonomi dan pekerjaan terutamanya pekerjaan perkhidmatan. Namun bukan semua individu yang berpeluang untuk bekerja dalam sektor pelancongan.

4.3.2 Peluang menjana ekonomi daripada pelancongan

Penduduk tempatan yang berniaga secara kecil-kecilan menyatakan bahawa musim pelancongan sangat memberi pulangan ekonomi yang besar dan lumayan. Sumber pendapatan tambahan yang mereka perolehi termasuklah perniagaan yang berasaskan makanan, jualan kedai runcit, barangan kraftangan serta perkhidmatan sewa peralatan snorkeling dan cuba.

Menurut Informan (I5),

" Kalau cuti hujung minggu macam jumaat, Sabtu dan Ahad pelanggan ramai, campur dengan musim cuti sekolah lagi ramai. Stok makanan kadang tak cukup, sehari pun boleh habis. Tapi kalau tak ada pelancong, susah pulak nak jual. Masa musim tengkujuh, kami kat sini susah lah sikit, pelancong tak boleh datang sebab bulan Oktober sampai Mac semua jeti tutup pelancong tak boleh datang sebab musim hujan. Sumber pendapatan kami terjejas sikit. Tapi kami dah biasa, kena bersiap sedia setiap kali musim hujan tiba, bekalan makanan kami simpan awal-awal, jadi tak kalut."

Seperti yang dinyatakan oleh Ashley, Goodwin & McNab (2005), pelancongan boleh memberikan peluang ekonomi yang besar kepada masyarakat setempat secara langsung atau tidak langsung. Perkara ini menunjukkan bahawa peluang ekonomi memberi kesan besar kepada komuniti tempatan secara langsung ataupun tidak langsung.

Sewaktu temu bual dilakukan, pengkaji telah memerhati sekitar kawasan Pantai Teluk Dalam yang menunjukkan beberapa deretan kedai-kedai cenderahati, kedai kecil yang menyediakan makanan-makanan ringan dan gerai minuman yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Pengkaji dapat melihat keadaan ini sebagai satu transformasi ekonomi kepada masyarakat iaitu ekonomi secara tradisional kepada ekonomi yang berasaskan perkhidmatan.

Kasim (2018), menyatakan bahawa penglibatan kaum wanita dalam industri pelancongan membawa kesan positif terhadap kemampuan untuk meningkatkan ekonomi keluarga. Mereka kini dapat membantu ekonomi keluarga dengan keupayaan sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan suami.

Walau bagaimanapun, ada sebilangan penduduk mengadu bahawa pendapatan mereka pada musim tengkujuh iaitu sekitar bulan Oktober hingga Mac agak kurang kerana pulau ini ditutup kepada pelancong luar di atas faktor cuaca yang buruk. Ini jelas menunjukkan bahawa ekonomi pelancongan di Pulau Redang adalah bermusim dan perlu perancangan jangka panjang.



Gambar 3: Kedai Cenderahati Milik Penduduk Tempatan Di Pulau Redang

(Sumber: Kajian Lapangan, 28 Julai, 2025)

4.3.3 Pembangunan pelancongan meningkatkan taraf ekonomi penduduk tempatan

Majoriti informan yang ditemu bual mengakui bahawa taraf ekonomi penduduk secara keseluruhan telah dipertingkatkan oleh kemajuan pelancongan. Ramai penduduk tempatan kini mampu memiliki rumah yang lebih baik, anak-anak dapat ke sekolah, sambung belajar ke kolej dan mampu membeli kereta setelah mempunyai pekerjaan tetap dalam industri pelancongan. Walau bagaimanapun, ada juga yang menyatakan bahawa faedah ekonomi ini tidak dapat dinikmati secara adil. Mereka yang mempunyai wang atau akses kepada peluang perniagaan akan lebih mendapat manfaat berbanding mereka yang hanya bergantung kepada kerja sambilan.

Informan 3 (I3) menyatakan,

"Memang la taraf hidup naik, tapi bukan semua orang dapat rasa, yang tak ada duit macamana? Yang ada duit bolehlah buka bisnes, yang kerja biasa-biasa macam guard atau cleaner resort gaji tak banyak beza pun."

Menurut Tosun (2000), pembangunan pelancongan sering membawa kepada ketidaksamaan dalam pembahagian manfaat ekonomi terutamanya di kawasan luar bandar dan pulau kecil. Mereka yang berduit dianggap sebagai seseorang yang mempunyai banyak kelebihan untuk lebih bersaing. Walaupun pelancongan mewujudkan banyak peluang untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk, penilaian yang didapati daripada pemerhatian secara rambang oleh pengkaji menampakkan terdapat jurang yang ketara bagi kakitangan resort dan pengusaha luar. Pekerja yang terdiri daripada penduduk tempatan bekerja dalam bahagian sokongan sahaja seperti pelayan restoran, bahagian pembersihan bilik dan pemandu bot. Pengkaji telah berbual dengan beberapa pekerja dan mereka mengakui bahawa ada di antara mereka telah bekerja lebih dari 3 tahun tetapi masih tidak berpeluang untuk kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, mereka tetap meneruskan pekerjaan kerana faktor ekonomi yang mendesak untuk menyara keluarga. Keadaan ini menguatkan kenyataan dari Scheyvens

(2011) iaitu komuniti tempatan sering dipandang rendah apabila ia berkait dengan pemilikan ekonomi pelancongan.

4.3.4 Kelebihan utama kesan pembangunan pelancongan kepada komuniti setempat

Kelebihan utama yang dinyatakan oleh informan adalah anak-anak muda tidak perlu berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan kerana terdapat lebih banyak peluang pekerjaan di pulau ini. Infrastruktur asas yang terdapat di pulau ini juga lebih baik seperti jalanraya, jeti dan kemudahan awam yang disediakan adalah lebih baik berbanding sebelum ini. Pelbagai peluang pendidikan disediakan kerana apabila pendapatan menjadi lebih stabil, ramai ibu bapa mampu membayar lebih banyak untuk pendidikan anak-anak mereka. Seterusnya adalah pendedahan kepada dunia luar yang mana interaksi dengan pelancong membolehkan penduduk memperoleh pengalaman dan maklumat baharu.

Kenyataan daripada informan 2 (I2) menjelaskan,

" Sekarang anak saya belajar kolej di Kuala Lumpur. Kalau saya tak kerja bidang pelancongan ni, rasanya perit dan susah jugak nak tanggung dia belajar sampai tahap tu. Saya bukan orang ada duit, tapi sebab sekarang ada kerja, dapat gaji bulan-bulan jadi boleh lah nak rasa senang sikit."

Pernyataan daripada informan ini menguatkan lagi hujah oleh Scheyvens (1999) yang mana beliau mengatakan bahawa pelancongan mampan boleh meningkatkan kesejahteraan komuniti tempatan jika faedah ekonomi dibahagikan secara adil dan baik. Ia juga merupakan bukti bahawa komuniti Pulau Redang telah mendapat manfaat daripada pembangunan pelancongan. Terdapat peningkatan dalam infrastruktur dan pendidikan, taraf ekonomi penduduk setempat dan juga penglibatan masyarakat dalam perniagaan dan pekerjaan yang berkaitan dengan pelancongan. Walau bagaimanapun, terdapat isu

ketidakadilan dalam pengagihan manfaat dan ini menyebabkan golongan yang berpendapatan rendah atau tanpa modal sukar untuk bersaing. Oleh itu, untuk menjadikan pelancongan di Pulau Redang lebih bermanfaat untuk semua individu, perkara ini harus dikawal dengan baik agar komuniti di Pulau Redang dapat menikmati kebaikan kesan daripada pembangunan pelancongan.

4.4 STRATEGI MEMPERKASAKAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM AKTIVITI PELANCONGAN DI PULAU REDANG

Kajian ini memfokuskan bagaimana komuniti tempatan perlu diperkasakan melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan. Kajian ini juga mengkaji bagaimana pelancongan boleh memperkasakan komuniti tempatan. Fokus utama yang dititikberatkan adalah bagi membincangkan perancangan pelancongan dan kesesuaian penduduk untuk melibatkan diri dalam industri pelancongan.

4.4.1 Peluang untuk menyuarakan pendapat atau idea tentang rancangan pelancongan

Hasil daripada temu bual menunjukkan bahawa kebanyakan informan yang ditemu bual menyatakan bahawa komuniti kurang terlibat dalam proses perancangan pembangunan pelancongan. Mereka menyatakan hasrat bahawa mereka bukan tidak berminat tetapi mereka kurang pendedahan. Mereka tiada masalah sekiranya pihak yang berkaitan memberi ruang untuk memperkasakan komuniti pelancongan di pulau ini.

Menurut kenyataan informan (I5),

" Kami ada jugak pergi dengar tapi tak banyak ruang untuk melihat atau bagi idea sebab kebanyakannya pihak mereka yang buat keputusan. Kadang-kadang kalau datang pun masa suntuk sangat, tak dan nak buat apa-apa. Nak jugak bagi idea sekali sekala."

Walau bagaimanapun, beberapa orang informan muda berminat untuk diberikan peluang dalam program perbincangan komuniti yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan. Di sini dapat disimpulkan bahawa pihak yang membuat dasar dan komuniti tempatan tidak memberi peluang dan masa yang mencukupi serta tidak berkomunikasi dengan baik untuk membuka peluang kepada anak-anak muda meluahkan pendapat mereka.

Jamal dan Stronza (2009) berkata bahawa komuniti paling terkesan dalam proses membuat keputusan dan pembangunan pelancongan yang mampan sangat bergantung kepada tahap penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan. Pihak yang berwajib perlu membuka ruang yang lebih besar agar komuniti ini sama-sama dapat melibatkan diri untuk memperkasakan sektor pelancongan di Pulau Redang.

4.4.2 Minat dan peluang untuk bekerja dalam industri pelancongan

Peningkatan konflik sosial serta penolakan projek pelancongan akan meningkat dan berisiko jika komuniti setempat tidak berpeluang untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mereka (Scheyvens, 2011). Ini adalah kerana sektor pelancongan dianggap sebagai industri yang menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan berbanding pekerjaan secara tradisional seperti perikanan. Kebanyakan informan yang ditemui menyatakan hasrat dan minat untuk terlibat dalam industri pelancongan.

Informan (I4) berkata,

"Bekerja sebagai pemandu bot , bekerja di resort -resort, pengawal keselamatan di resort pun boleh beri pendapatan yang stabil berbanding jadi nelayan sebab kerja sektor pelancongan gaji memang tetap setiap bulan, kalau nelayan rezeki tak tentu."

Menurut informan 3 (I3),

"Banyak saya boleh belajar cara berkomunikasi dengan pelancong asing. Tak pandai bahasa Inggeris pun kita boleh jadi pandai sebab pelancong asing ni suka kalau penduduk tempatan layan mereka dengan elok. Tak fasih pun tak apa asalkan dia faham."

Walaupun bagaimanapun, ada juga sesetengah informan tidak berminat melibatkan diri dalam sektor pelancongan kerana mereka khuatir budaya tradisional dan budaya tempatan mereka semakin hilang jika semua penduduk terlibat dengan pelancongan.

Tambah Informan 3 (I3) lagi,

"Saya lebih selesa berniaga sendiri jual makanan tradisional je di sini. Saya takut juga remaja-remaja ni lama-lama lupa cara hidup kita sebelum pelancongan membangun di pulau bila mereka dah bekerja bidang pelancongan."

Hal ini jelas menunjukkan bahawa strategi untuk memperkasakan komuniti setempat dalam industri pelancongan di Pulau Redang perlu dipertingkatkan dan diperluaskan. Walaupun industri pelancongan kini menawarkan banyak peluang pekerjaan namun terdapat halangan untuk merealisasikan seperti kurangnya penglibatan komuniti dalam membuat perancangan, kebimbangan mereka mengenai kehilangan identiti budaya tradisional dan ketidakseimbangan terhadap kuasa antara komuniti tempatan dan agensi luar yang menghalang penglibatan mereka secara meluas. Menurut Timothy (2002), beliau menekankan betapa pentingnya sistem yang berteraskan pelancongan berasaskan komuniti. Ianya adalah pendekatan yang membolehkan komuniti tempatan memilih kesesuaian diri mereka dalam sektor pelancongan di kawasan mereka. Pendekatan ini akan memberi banyak manfaat kepada komuniti tempatan di Pulau Redang. Mereka bukan sahaja akan merasa lebih dihargai, tetapi mereka juga akan menjadi lebih bersemangat untuk membantu meningkatkan taraf hidup dalam sektor pelancongan.

Berdasarkan kerangka teori Komuniti Berasaskan Pelancongan atau Community Based Tourism (CBT), pembangunan pelancongan yang maju perlu memberi kuasa atau kebenaran kepada komuniti setempat untuk melibatkan diri secara langsung dalam proses untuk membuat keputusan, merancang dan memanfaatkan ekonomi. Teori ini menegaskan bahawa komuniti bukan hanya dilihat sebagai individu yang terkesan dengan pelancongan tetapi menjadi pengurus utama terhadap aktiviti pelancongan.

Menerusi konteks kajian yang dilakukan ini, konsep CBT adalah sangat bertepatan dengan keadaan yang berlaku terhadap komuniti setempat di Pulau Redang. Hasil dapatan temu bual yang dilakukan telah menunjukkan bahawa masyarakat tempatan di pulau ini mempunyai keinginan untuk terlibat secara aktif dalam industri pelancongan jika peluang keusahawanan kecil dalam perniagaan penginapan inap desa, perkhidmatan bot, kraftangan dan kedai runcit. Hal ini seiring dengan prinsip CBT yang memberi penekanan terhadap pembahagian secara adil dalam manfaat ekonomi serta peningkatan terhadap kapasiti penduduk menerusi sokongan kerajaan, latihan dan kerjasama dengan agensi pelancongan.

Kesimpulan yang didapati daripada dapatan kajian dan kerangka CBT, dapat dijelaskan bahawa penglibatan berstruktur yang dirancang dengan baik mampu meningkatkan keupayaan komuniti setempat di Pulau Redang untuk memelihara budaya, pengurusan sumber yang berkesan serta pulangan ekonomi yang dapat dinikmati dengan berterusan.

4.5 RUMUSAN

Dalam bab ini, huraian tentang dapatan kajian melalui pelbagai kaedah telah dilakukan menerusi kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian lapangan tidak berstruktur. Semua hasil dapatan ini telah dibahagikan kepada tiga persoalan kajian utama yang mempunyai kaitan dengan isu pembangunan pelancongan serta perubahan komuniti setempat di Pulau Redang. Gambaran secara menyeluruh telah diperolehi mengenai pembangunan pelancongan yang dilihat dari sudut sosial, budaya, ekonomi dan alam sekitar yang memberi kesan kepada komuniti tempatan.

Berdasarkan hasil yang dilakukan melalui temu bual yang dilakukan bersama 5 orang informan yang terdiri daripada beberapa penduduk tempatan, ketua kampung, peniaga kecil-kecilan, pekerja resort dan pekerja bot mendapati bahawa sektor pelancongan telah memberi impak yang besar terhadap kenaikan ekonomi yang sangat positif terhadap penduduk tempatan di Pulau Redang. Majoriti penduduk tempatan melibatkan diri dengan peluang pekerjaan baharu seperti pemandu pelancong, pekerja resort, pengusaha homestay dan peniaga kecil. Peningkatan kepada kemasukan pelancong telah mendorong pertumbuhan sektor ekonomi setempat melalui kegiatan yang berkaitan dengan perniagaan, sewaan bot dan penjualan hasil laut. Namun begitu, isu yang dikenal pasti telah mengakibatkan ketidakseimbangan terhadap peluang pekerjaan yang mana sebahagian besar jawatan pengurusan masih dimonopoli dan dipegang oleh pekerja luar. Ini menunjukkan bahawa komuniti tempatan sangat memerlukan sokongan dan latihan bagi memperkukuhkan kemahiran dalam bidang pelancongan.

Melalui kajian ini, hasil yang didapati daripada aspek budaya dan sosial adalah bagaimana interaksi yang berlaku di antara pelancong dan penduduk tempatan telah memberi kesan yang ketara terhadap perubahan gaya hidup penduduk tempatan di pulau ini. Masyarakat di sini bersifat terbuka malah mereka kelihatan selesa menerima kehadiran pelancong asing tetapi dalam masa yang sama, identiti dan nilai budaya tetap dikekalkan. Manakala, melalui pemerhatian yang dijalankan, amalan gotong-royong, keperibadian masyarakat yang bersopan santun dan keakraban di antara komuniti tempatan di pulau ini masih kukuh kerana mengakrabbkan hubungan masih diamalkan di dalam komuniti terutamanya dalam kalangan masyarakat yang berusia. Bagi golongan generasi muda pula, terdapat sedikit perubahan kepada corak budaya sosial yang berpunca daripada pengaruh pelancong serta kesan daripada media sosial yang tidak terkawal. Walau bagaimanapun, perubahan ini tetap dilihat sebagai

proses untuk menyesuaikan diri terhadap persekitaran baharu yang semakin moden dan berteraskan orientasi ekonomi pelancongan.

Pemerhatian lapangan pula menegaskan bahawa pembangunan pelancongan telah banyak meningkatkan taraf infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan raya, sistem elektrik, air bersih serta sistem komunikasi. Namun begitu, wujud juga cabaran yang perlu diberi perhatian seperti pengurusan sisa pepejal, pencemaran pantai dan tekanan terhadap sumber alam semula jadi akibat peningkatan aktiviti pelancongan. Nor Ashikin Mohd Nor (2020) menegaskan bahawa pertumbuhan pesat industri pelancongan di kawasan pulau membawa kesan dua hala iaitu peningkatan ekonomi tempatan tetapi dalam masa yang sama mewujudkan cabaran terhadap kelestarian alam sekitar. Hasil pemerhatian dan temu bual menunjukkan bahawa penduduk setempat mempunyai semangat ingin belajar dan berminat terhadap aktiviti pelancongan.

Kesimpulan yang didapati dari hasil kajian yang dibuat menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan di Pulau Redang memberi kesan ketara terhadap komuniti setempat. Dari aspek sosial, penduduk tempatan berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan identiti budaya tradisional dan kesepakatan masyarakat akibat peningkatan interaksi dengannya pelancong. Dari aspek ekonomi, didapati peluang pekerjaan dan pendapatan meningkat dan aktiviti-aktiviti keusahawanan secara kecil-kecilan turut meningkatkan taraf ekonomi penduduk. Walaubagaimanapun manfaat seiring dengan cabaran ekonomi yang mengharapakan sektor pelancongan untuk menampung kos sara hidup yang kian meningkat.

Hasil dapatan kajian ini turut memberikan gambaran jelas bahawa komuniti setempat di Pulau Redang mampu untuk menerima perubahan namun tetap memerlukan sokongan yang berterusan dari pihak berwajib dalam aspek sosial, ekonomi, dan kelesarian. Oleh itu bagi menganalisis keseluruhan dapatan kajian ini, bagi bab yang seterusnya iaitu Bab 5 perbincangan bagi menjelaskan saranan atau cadangan yang bersesuaian bagi memperkukuhkan peranan komuniti serta memastikan pembangunan pelancongan membawa perubahan positif di Pulau Redang dan memberi manfaat jangka panjang secara mampan.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Bab 5 ini merumuskan keseluruhan hasil kajian tentang pembangunan pelancongan dan kesannya terhadap komuniti tempatan di Pulau Redang. Kajian ini telah dijalankan untuk menilai bagaimana pelancongan memberi kesan terhadap perubahan sosial, peningkatan sosioekonomi dan strategi bagi memperkasakan komuniti setempat agar terus terlibat dalam sektor ini.

Secara keseluruhannya, hasil kajian telah menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan telah membawa banyak manfaat kepada masyarakat tempatan dari segi peluang pekerjaan dan pendapatan. Walaubagaimanapun, beberapa cabaran berlaku dari segi perubahan dalam gaya hidup, peningkatan kos sara hidup dan tekanan terhadap nilai dan identiti budaya tempatan.

Bab ini seterusnya akan menghuraikan rumusan dapatan kajian, cadangan penambahbaikan serta kesimpulan keseluruhan terhadap pembangunan pelancongan di Pulau Redang agar dapat diteruskan secara seimbang dan mampan.

5.1 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada lima bab utama yang saling melengkapi antara satu sama lain. Setiap bab memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman menyeluruh tentang pembangunan pelancongan di Pulau Redang dan kesannya terhadap komuniti tempatan.

Bab pertama merupakan pengenalan kajian yang memberikan gambaran umum tentang latar belakang Pulau Redang sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia. Bab ini juga menjelaskan tentang isu dan masalah kajian iaitu bagaimana pembangunan pelancongan memberi kesan kepada komuniti setempat dari segi sosial dan ekonomi. Objektif dan persoalan kajian turut ditekankan bagi memastikan penyelidikan ini dijalankan dengan

tujuan yang jelas. Bab ini penting kerana ia menetapkan asas terhadap kajian iaitu menilai keseimbangan antara manfaat ekonomi dan kesan sosial pelancongan terhadap masyarakat di Pulau Redang.

Bab kedua pula adalah sorotan literatur yang mana bab ini membincangkan tentang teori dan hasil penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan pembangunan pelancongan dan komuniti tempatan. Antara fokus utama ialah teori pelancongan lestari dan konsep penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan. Hasil sorotan mendapati bahawa pembangunan pelancongan sering membawa dua kesan utama iaitu peningkatan terhadap ekonomi dan cabaran terhadap kelestarian sosial serta budaya. Pandangan daripada pakar seperti Tosun (2000) menjelaskan bahawa penglibatan komuniti secara aktif dapat menjamin kejayaan pelancongan dalam jangka panjang.

Bab yang ketiga adalah berkenaan metodologi kajian yang mana ia menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama komuniti tempatan serta pemerhatian tidak berstruktur di sekitar Pulau Redang. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami pengalaman sebenar penduduk berkaitan perubahan sosial, ekonomi dan budaya yang mereka alami. Lokasi pemerhatian merangkumi kawasan tumpuan pelancong seperti kampung nelayan, chalet-chalet, kedai peniaga-peniaga kecil dan di kawasan pantai utama.

Dalam bab 4 pula menghuraikan tentang dapatan kajian dan perbincangan yang merupakan bahagian penting dan utama yang membentangkan hasil temu bual dan pemerhatian lapangan berdasarkan tiga persoalan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Pulau Redang menyedari perubahan sosial yang berlaku kesan daripada pembangunan pelancongan seperti gaya hidup moden dan peningkatan interaksi dengan pelancong luar. Dari segi ekonomi pula, ramai penduduk mengambil peluang dengan bekerja dalam sektor pelancongan dan menjadi peniaga secara kecil-kecilan dengan menjual cenderahati, makanan dan minuman serta menyediakan perkhidmatan bot dan pelbagai kelengkapan snorkeling untuk disewakan. Namun, terdapat juga cabaran seperti kos sara hidup yang meningkat dan ketidakseimbangan pendapatan antara golongan terlibat dan tidak terlibat dalam pelancongan.

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa walaupun pelancongan membawa banyak peluang ekonomi, ia perlulah diurus dengan baik agar tidak menjejaskan nilai budaya dan kesejahteraan sosial komuniti tempatan.

5.2 CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan telah dikenal pasti untuk memastikan pembangunan pelancongan di Pulau Redang dapat berjalan secara seimbang dan memberi manfaat kepada semua komuniti tempatan. Cadangan ini adalah berdasarkan tiga persoalan kajian utama yang berkaitan dengan perubahan sosial, peningkatan sosioekonomi dan strategi memperkasa komuniti.

5.2.1 Perubahan Sosial dalam Kalangan Komuniti Tempatan

Pembangunan pelancongan telah membawa perubahan sosial yang ketara dalam kehidupan masyarakat tempatan di Pulau Redang. Oleh itu, satu pendekatan yang lebih bersepadu diperlukan bagi membantu komuniti menyesuaikan diri dengan perubahan ini tanpa memusnahkan nilai dan identiti budaya mereka.

Pihak berkuasa tempatan bersama agensi pelancongan disarankan untuk mengadakan program kesedaran budaya dan aktiviti komuniti yang menumpukan keutamaan dalam menjaga adat, bahasa, serta amalan tradisional. Melalui pendekatan ini, penduduk boleh terus mengekalkan jati diri mereka walaupun berhadapan dengan pelbagai pengaruh budaya luar yang dibawa oleh pelancong.

Seterusnya adalah pendidikan pelancongan komuniti seharusnya diperkenalkan di peringkat sekolah dan masyarakat supaya penduduk lebih memahami kesan sosial jangka panjang aktiviti pelancongan. Ini penting bagi menggalakkan sikap tanggungjawab sosial, toleransi serta kefahaman antara pelancong dan penduduk tempatan.

Akhir sekali adalah cadangan agar diwujudkan pusat kebudayaan komuniti Pulau Redang yang berfungsi sebagai ruang pameran seni, adat dan warisan tempatan. Langkah ini bukan sahaja dapat mengekalkan identiti budaya malah menjadi tarikan pelancongan baharu yang berasaskan keunikan masyarakat setempat.

5.2.2 Peningkatan Sosioekonomi Komuniti Tempatan

Dari aspek ekonomi, menerusi kajian yang dilakukan didapati bahawa pelancongan menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk Pulau Redang. Namun, masih terdapat ketidakseimbangan antara mereka yang terlibat secara langsung dan yang berada di luar sektor pelancongan.

Bagi memastikan manfaat pelancongan lebih menyeluruh, kerajaan negeri dan agensi pelancongan disarankan untuk memperkenalkan skim bantuan mikro atau pinjaman perniagaan kecil khusus untuk penduduk tempatan yang berminat. Secara tidak langsung ianya dapat membantu mereka untuk memulakan perniagaan dan aktiviti keusahawanan seperti penginapan inap desa, kraf tangan serta jualan makanan tradisional dapat dikembangkan.

Selain dari itu, latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan perlu diberikan secara berkala termasuk latihan dalam bidang hospitaliti, pemasaran digital dan pengurusan kewangan. Menerusi langkah ini, komuniti tempatan dapat meningkatkan daya saing antara mereka serta menjana pendapatan yang lebih stabil.

Infrastruktur asas seperti jalan raya, sistem pengangkutan dan kemudahan awam di kawasan penempatan penduduk harus ditambahbaik oleh pihak kerajaan agar manfaat pembangunan pelancongan tidak hanya tertumpu di kawasan resort atau pantai utama semata-mata.

5.2.3 Strategi Memperkasa Komuniti dalam Aktiviti Pelancongan

Bagi menjamin pembangunan pelancongan yang mampan, penglibatan komuniti tempatan dalam proses perancangan dan pelaksanaan perlu diberi keutamaan. Kajian menunjukkan bahawa apabila masyarakat dilibatkan secara langsung, mereka lebih bertanggungjawab terhadap kelestarian sumber semula jadi dan warisan budaya pulau.

Oleh itu, salah satu strategi yang menjadi keutamaan adalah dengan menubuhkan Majlis Pelancongan Komuniti Pulau Redang, yang mana harus dianggotai oleh wakil masyarakat, pengusaha pelancongan dan pihak berkuasa tempatan. Majlis

ini juga berfungsi sebagai platform komunikasi yang mana matlamatnya adalah bagi membincangkan isu, cabaran dan peluang dalam sektor pelancongan.

Selain itu juga, pengukuhan pendidikan pelancongan lestari dalam kalangan penduduk penting untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan untuk menjaga alam sekitar. Program-program sukarelawan pelancongan seperti aktiviti gotong-royong pantai atau pemulihan ekosistem terumbu karang yang rosak atau musnah boleh juga dijadikan aktiviti bersama antara penduduk dan pelancong.

Akhir sekali, perlu juga diwujudkan kerjasama di antara sektor awam, swasta dan masyarakat tempatan dalam pelaksanaan projek pelancongan komuniti. Pendekatan ini bukan sahaja memberi kuasa kepada masyarakat untuk membuat keputusan, malah memastikan setiap pembangunan mengambil kira kepentingan penduduk pulau secara keseluruhan.

5.3 KESIMPULAN

Kesimpulan yang didapati daripada kajian berkaitan “Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti di Pulau Redang” telah memberi gambaran yang jelas berkaitan aktiviti pembangunan pelancongan dan kesannya terhadap kehidupan komuniti setempat dari pelbagai sudut iaitu perubahan sosial, sosioekonomi ekonomi dan strategi pembangunan komuniti. Hasil dapatan yang telah diperolehi menunjukkan bahawa pelancongan sememangnya merupakan faktor utama kepada perubahan di Pulau Redang. Walaubagaimanapun, pada masa yang sama ia turut membawa cabaran yang memerlukan pengurusan secara bijak dan seimbang.

Dari sudut sosial, pembangunan pelancongan telah membawa kepada perubahan gaya hidup dan nilai masyarakat tempatan. Walaupun wujud cabaran seperti pengaruh budaya luar dan perubahan corak pergaulan, masyarakat tetap berusaha untuk mengekalkan identiti budaya mereka melalui aktiviti komuniti dan amalan tradisi yang diwarisi turun-temurun. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Pulau Redang masih mempunyai semangat perpaduan, persaudaraan dan pemahaman tinggi dalam memelihara warisan budaya mereka.

Dalam konteks aspek sosioekonomi pula, pelancongan jelas memberi kesan positif yang mana ia membuka banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, manfaat ini tidak dinikmati secara menyeluruh terutamanya kepada mereka yang tidak terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan. Oleh itu,

pengagihan peluang dan sokongan kepada keusahawanan kecil perlu diberi perhatian agar keseimbangan ekonomi dalam komuniti dapat dicapai dan dirasakan oleh seluruh masyarakat di Pulau Redang.

Melalui konteks strategi memperkasakan komuniti pula, didapati bahawa penglibatan masyarakat untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pelancongan masih boleh dipertingkatkan. Pendekatan yang lebih menyeluruh dan berteraskan komuniti perlu dilaksanakan agar penduduk dapat menikmati bukan sekadar penerima manfaat tetapi juga memastikan kelestarian pelancongan Pulau Redang dapat diteruskan.

Akhir sekali, rumusan yang didapati daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelancongan di Pulau Redang mempunyai potensi besar untuk terus berkembang sebagai sektor penting yang memberi sumbangan besar terhadap ekonomi negeri Terengganu. Walaubagaimanapun, pembangunan pelancongan ini perlu dilaksanakan secara mampan dan memberi keutamaan terhadap keseimbangan di antara kemajuan ekonomi, kelestarian alam sekitar, serta kesejahteraan sosial komuniti tempatan. Melalui kerjasama yang baik di antara pihak kerajaan, sektor swasta serta komuniti setempat, Pulau Redang bukan sahaja dapat terus kekal sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia malah sebagai ikon pembangunan pelancongan yang berjaya membawa perubahan terhadap komuniti yang harmoni di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long. (2014). Kaedah Penyelidikan. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ap, J. (1992). Residents' perceptions on tourism impacts. *Annals of Tourism Research*, 19(4), 665–690.
- BANGI, S., KHAS, J. H. E., & MALAYSIA, K. P. Ahmad Sunawari Long Jaffary Awang Kamaruddin Salleh.
- Blaxter, L., Hughes, C., & Tight, M. (2006). How to Research (3rd ed.). Maidenhead: Open University Press.
- Bryan, A., & Bell, E. (2003). Business Research Methods. Oxford: Oxford University Press.
- Cooper, C. (2003). Progress in tourism research. Classic reviews in tourism. Clevedon: Channel View Publications, 1-8.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2011). Designing and conducting mixed methods research (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2013). Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches. SAGE.
- Creswell, J. W. (2014). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (4th ed.). SAGE Publications.
- Harrison, D., & Schipani, S. (2007). Lao tourism and poverty alleviation: Community-based tourism and the private sector. *Current Issues in Tourism*, 10(2–3), 194–230.
- Hamid, S. S. (2021). Kajian Pembangunan Pelancongan Lestari Di Jelebu, Negeri Sembilan. *Jurnal Sains Sosial*, 6(1), 77-85.
- Inskeep, E. (1991). Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach.
- Ibrahim, M. A., & Lyndon, N. (2021). IMPAK PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN LUAR BANDAR. *e-BANGI Journal*, 18(2).
- James, J., & Hussin, R. (2021). Impak aktiviti pelancongan ke atas komuniti setempat: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 7(1), 211-224.

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). (2021). Laporan Rancangan Kawasan Khas Pulau Redang <https://www.planmalaysia.gov.my>
- James, J., & Hussin, R. (2021). Impak aktiviti pelancongan ke atas komuniti setempat: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Sosial Transformation Studies (JOBSTS)*, 7(1), 211-224.
- Limanda, V., Iskandar, V., Angela, M., Lengkong, A., Santoso, C., Putrajaya, B., ... & Lee, A. (2021). Penerapan Konsep Community Based Tourism dalam Upaya Pembangunan Perekonomian di Desa Wisata Nglinggo.
- MOTAC. (2020). Laporan Tahunan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Putrajaya: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Murphy, P. E. (1985). *Tourism: A Community Approach*. Routledge.
- Mohamed, B., Omar, S., & Ghani, A. A. (2017). Environmental impacts of tourism development in Tioman Island. *Planning Malaysia*, 15(2), 13–24.
- Pretty, J. N. (1995). Participatory learning for sustainable agriculture. *World Development*, 23(8), 1247–1263.
- Perumal, C., Sakawi, Z., & Zamhari, S. K. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor (Ecotourism and its impacts on local communities in Malaysia: A case study of Bagan Lalang's fishermen, Sepang, Selangor). *Geografia*, 12(4).
- Samad, S., bin Shukor, M. S., Malaysia, U. K., & Salleh, N. H. M. (2013). Impak Pembangunan Industri Pelancongan Kepada Komuniti di Pulau Langkawi. *Prosiding Perkem Viii*, Jilid, 1, 207-216.
- Salleh, N. H. M., Shukor, M. S., & Idris, S. H. M. (2017). Impak pembangunan pelancongan ke atas persekitaran manusia dan fizikal komuniti Pulau Tioman. *Akademika*, 87(3), 47-60.
- Said, A., Ashaari, M. F., & Khalid, K. (2018). Environmental challenges of island tourism: A case study of Pulau Pangkor. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 5(2), 55–70.

- Tiung, L. K., & Othman, S. S. (2010). Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Sosiohumanika*, 3(2).
- Tourism Malaysia. (2023). Redang Island Tourism Statistics <https://www.malaysia.travel>
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management*, 21(6), 613–633.
- Wood, M. E. (2001). *Community-based ecotourism: A review of emerging literature*. Washington, DC: The International Ecotourism Society (TIES).
- Yahaya Ibrahim. (2010). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



SOALAN TEMU BUAL SEPARA BERSTRUKTUR

**PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN PERUBAHAN DALAM KOMUNITI
SETEMPAT DI PULAU REDANG, TERENGGANU**

OBJEKTIF TEMU BUAL :

1. Mengetahui cabaran komuniti tempatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial yang dibawa oleh aktiviti pelancongan di Pulau Redang.
2. Mengetahui kesan pembangunan pelancongan terhadap peningkatan sosio ekonomi komuniti tempatan di Pulau Redang.
3. Membincangkan strategi untuk memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan di Pulau Redang.

SOALAN TEMU BUAL

Objektif 1: Cabaran komuniti tempatan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial yang dibawa oleh aktiviti pelancongan di Pulau Redang.

1. Apakah perubahan sosial utama yang berlaku dalam kalangan masyarakat selepas pembangunan pelancongan di Pulau Redang?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh komuniti tempatan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut?
3. Bagaimana encik/puan melihat kesan budaya luar daripada pelancong terhadap cara hidup masyarakat di pulau ini?
4. Apakah masyarakat tempatan masih dapat mengekalkan identiti dan amalan budaya tradisional walaupun dengan kehadiran pelancong asing?
5. Apakah kesan negatif yang timbul akibat pembangunan pelancongan di pulau ini?
6. Bagaimanakah layanan masyarakat tempatan terhadap pelancong yang datang ke pulau ini?

Objektif 2: Kesan pembangunan pelancongan terhadap peningkatan sosioekonomi komuniti tempatan di Pulau Redang.

1. Apakah pembangunan pelancongan membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk di pulau ini?

2. Adakah encik/puan berminat untuk bekerja atau terlibat dalam sektor pelancongan?
3. Apakah kos sara hidup di Pulau Redang berubah selepas pembangunan pelancongan dijalankan?
4. Apakah manfaat utama yang encik/puan perolehi hasil daripada pembangunan pelancongan di pulau ini?

Objektif 3: Strategi untuk memperkasakan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan di Pulau Redang.

1. Apakah komuniti tempatan diberi peluang untuk menyuarakan pandangan atau terlibat dalam proses perancangan pembangunan pelancongan?
2. Apakah bentuk sokongan atau latihan yang encik/puan rasa perlu diberikan bagi memperkasakan penduduk tempatan dalam sektor pelancongan?
3. Apakah strategi untuk memastikan komuniti tempatan mendapat manfaat berterusan daripada pembangunan pelancongan di masa hadapan?

Gambar Bersama Informan



Gambar 4 : Sesi temu bual bersama Informan 1

Sumber : Kajian Lapangan 2025



Gambar 5 : Inap desa milik penduduk tempatan

Sumber : Google Images



Gambar 6 : Keindahan Pulau Redang

Sumber : Google Images

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ORIGINALITY REPORT			
10%	10%	3%	5%
SIMILARITY INDEX	INTERNET SOURCES	PUBLICATIONS	STUDENT PAPERS
PRIMARY SOURCES			
1	discol.umk.edu.my Internet Source		4%
2	www.qjssh.com Internet Source		<1 %
3	etd.uum.edu.my Internet Source		<1 %
4	psasir.upm.edu.my Internet Source		<1 %
5	Submitted to Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah Student Paper		<1 %
6	Submitted to Universiti Sultan Zainal Abidin Student Paper		<1 %
7	polikk.mypolycc.edu.my Internet Source		<1 %
8	Submitted to Universiti Malaysia Sabah Student Paper		<1 %
9	www.researchgate.net Internet Source		<1 %
10	vdocuments.site Internet Source		<1 %
11	jim.unsyiah.ac.id Internet Source		<1 %